



CyberSAFE DI SEKOLAH

JARINGAN  
KESELAMATAN:  
PEMBINAAN  
KEUPAYAAN  
DI KALANGAN KANAK-  
KANAK SEKOLAH  
MALAYSIA SUPAYA  
SELAMAT ATAS  
TALIAN

2014 LAPORAN KAJI SELIDIK KEBANGSAAN



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



CyberSecurity  
MALAYSIA  
Agensi di bawah MOSTI





safe  
internet

**“Manfaat yang boleh didapati dari internet jauh melebihi dari bahaya yang mungkin timbul, tetapi kita tidak boleh berdiam diri.”**

JON FREDRIK BAKSAAS  
Presiden dan CEO, Telenor Group





Jaringan Keselamatan:  
Pembinaan Keupayaan  
Di Kalangan Kanak-kanak  
Sekolah Malaysia Supaya  
Selamat Atas Talian

KANDUNGAN

MUKA SURAT / 01

PENDAHULUAN

MUKA SURAT 02

BERSAMA MEMBINA KEMANTAPAN DIGITAL

MUKA SURAT 03

RINGKASAN EKSEKUTIF

MUKA SURAT 04

SEKSYEN 1

KONTEKS PENYELIDIKAN

MUKA SURAT 06

SEKSYEN 2

KEPUTUSAN KAJI SELIDIK

MUKA SURAT 08

2.1 Dimensi 1:

Keselamatan dan Perlindungan Atas Talian MUKA SURAT 09

2.2 Dimensi 2: Pembulian Siber MUKA SURAT 23

2.3 Dimensi 3: Rangkaian Sokongan MUKA SURAT 30

2.4 Dimensi 4: Kebimbangan Peribadi MUKA SURAT 32

SEKSYEN 3

ISU-ISU DAN PENGESYORAN

MUKA SURAT 34

SEKSYEN 4

BIMBINGAN KEPADA PENGGUNAAN INTERNET

MUKA SURAT 36

YANG SELAMAT

LAMPIRAN

MUKA SURAT 39

## PENDAHULUAN

Kami percaya bahwasanya Kajian Pengguna Internet yang dikendalikan oleh MCMC dan penyelidikan secara kerjasama MCMC bersama universiti-universiti tempatan menerusi Program Kolaborasi Penyelidikan Media Berangkai (PKPMB) saling melengkapi dengan kaji selidik ini.



**YBHG. DATO'  
MOHAMED SHARIL  
MOHAMED TARMIZI**  
Pengerusi  
Suruhanjaya  
Komunikasi  
dan Multimedia  
Malaysia

Selaras dengan kejayaan Inisiatif Jalur Lebar Kebangsaan kita, kini sudah ramai rakyat Malaysia yang telah memanfaatkan gaya hidup atas talian atau digital di seluruh negara. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sedar terhadap keperluan yang semakin meningkat untuk melindungi manfaat yang dinikmati oleh rakyat Malaysia daripada pelbagai perkhidmatan dalam talian di serata tempat di seluruh negara, sama ada bagi tujuan perniagaan atau sosial, terutamanya keselamatan kanak-kanak yang mudah terdedah kepada ancaman dan risiko berkaitan internet. Sehubungan itu, MCMC memperkenalkan program "Klik Dengan Bijak" sebagai satu usaha permuafakatan dengan pelbagai pihak berkepentingan bagi menyokong program keselamatan internet yang dilancarkan pada tahun 2012. Menyedari bahawa penggunaan internet yang selamat dan positif adalah tanggungjawab semua, kami menghargai usaha murni yang dilaksanakan oleh DiGi melalui program CyberSAFE di Sekolah.

Kaji selidik ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan berguna mengenai pengalaman dalam talian kanak-kanak di Malaysia malah, edisi kedua kaji selidik ini memaparkan trend dan penanda aras yang menunjukkan polar tingkah laku kanak-kanak semasa di dalam talian. Kami juga percaya bahwasanya Kajian Pengguna Internet yang dikendalikan oleh MCMC dan penyelidikan secara kerjasama MCMC bersama universiti-universiti tempatan menerusi Program Kolaborasi Penyelidikan Media Berangkai (PKPMB) saling melengkapi dengan kaji selidik ini.

Kini, PKPMB telah memasuki tahun keenam dan telah mengendalikan beberapa kajian impak sosial penggunaan internet ke atas individu dan masyarakat sama ada dalam bentuk kualitatif maupun kuantitatif. Tambahan lagi, kajian ini juga meninjau sikap serta motif pengguna dan sekaligus memberi pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana internet telah menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka. Dapatkan data dan maklumat yang diperolehi ini dikongsi bersama pihak industri dan digunakan sebagai panduan dalam memastikan keberkesanan program kesedaran keselamatan internet dan pendidikan awam mencapai golongan yang disasarkan.

Kami percaya Laporan Kaji Selidik Kebangsaan 2014 ini akan menambah nilai kepada pengetahuan asas sedia ada dan membolehkan kita memanfaatkan sumber-sumber ini dengan lebih baik bagi menggalakkan pembentukan masyarakat yang mampu di mana perkhidmatan dalam talian terus menyediakan asas meneruskan peningkatan kualiti kerja maupun kehidupan.

Kami berharap pihak DiGi akan meningkatkan lagi program perlindungan kanak-kanak dalam talian sedia ada serta mencetuskan lebih banyak inisiatif dalam membangunkan program seumpama ini. Malah kami turut menggalakkan pihak-pihak lain untuk turut serta melibatkan diri dalam usaha melindungi kanak-kanak daripada penyalahgunaan maupun ancaman siber.

## BERSAMA MEMBINA KEMANTAPAN DIGITAL

BERSAMA MEMBINA  
KEMANTAPAN DIGITAL

MUKA SURAT / 03

Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, kita berpeluang menyaksikan pertumbuhan dan perkembangan program CyberSAFE di Sekolah melalui pelbagai aktiviti seperti ceramah, bengkel, seni persembahan atau program duta yang menggalakkan kesedaran keselamatan siber.

Setiap tahun, program CyberSAFE di Sekolah telah meluaskan aktiviti capaiannya dengan menyampaikan pendidikan dan kesedaran mengenai keselamatan siber kepada lebih ramai pelajar dan guru di seluruh negara, di mana ia telah mencapai angka 20,000 pelajar pada tahun 2013. Angka ini mungkin tidak mampu dicapai tanpa sokongan dan kerjasama daripada Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pelajaran dan juga DiGi Telecommunications yang sejak beberapa tahun telah menunjukkan kesungguhan dan minat mereka terhadap program CyberSAFE di Sekolah.

Pada tahun 2013, melalui perkongsian pintar ini, seramai 500 orang guru sekolah rendah dan menengah di seluruh negara telah diberi latihan mengenai kesedaran keselamatan siber supaya mereka dapat mendidik dan memberi bimbingan kepada para pelajar mengenai cabaran yang mereka hadapi di atas talian. Pada tahun tersebut juga, kaji selidik pertama mengenai program CyberSAFE di Sekolah telah dijalankan dalam kalangan para pelajar dan guru yang mengambil bahagian melalui penilaian sebelum dan selepas, di mana ia telah memberi kita pemahaman yang lebih meluas mengenai landskap digital dalam kalangan pelajar sekolah di Malaysia. Ini akan membantu kita membangunkan lebih banyak program dan strategi kesedaran keselamatan siber yang lebih berkesan di masa depan.

Antara maklumat penting yang dikumpul melalui program CyberSAFE di Sekolah ialah tabiat pelajar sekolah semasa menggunakan internet, penglibatan ibu bapa mereka dalam kehidupan atas talian mereka dan pendedahan serta kefahaman mereka berkaitan pembulian siber yang dilihat menjadi ancaman utama kepada kehidupan digital belia Malaysia di landskap digital.



Dengan tersedianya maklumat baharu yang dikumpul ini, tahun 2014 dan seterusnya akan menyaksikan lebih banyak pembangunan, penyelaras dan usaha bersama dilaksanakan untuk mengawal risiko atas talian yang terdedah kepada para pelajar sekolah kita.

Bagi pihak CyberSecurity Malaysia, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan di atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak, terutamanya DiGi Telecommunications dan Kementerian Pelajaran Malaysia.

**DR. AMIRUDIN  
ABDUL WAHAB**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
CyberSecurity Malaysia

## RINGKASAN EKSEKUTIF

### **Jaringan Keselamatan: Pembinaan Keupayaan Keselamatan Atas Talian di Kalangan Pelajar Sekolah Malaysia**

Laporan Kaji Selidik Kebangsaan CyberSAFE di Sekolah 2014 dibuat berdasarkan kajian yang melibatkan 13,945 orang pelajar Malaysia berusia antara 17 hingga 19 tahun. Data dikumpul dari semua negeri pada tahun 2013 dengan sampel yang mencukupi untuk jantina, strata bandar-luar bandar dan etnik.

Kajian ini meneliti beberapa dimensi kelakuan berkaitan internet; keselamatan atas talian, pembulian siber, rangkaian sokongan dan kebimbangan peribadi. Dapatkan daripada kajian ini penting bagi membangunkan pendekatan untuk mempertingkatkan semangat kewarganegaraan digital di Malaysia, khususnya untuk mentakrif usaha ke arah amalan internet yang selamat berserta pembinaan keupayaan khas untuk para guru, kaunselor dan ibu bapa.

Analisis ini menghapuskan sesetengah tanggapan tentang kanak-kanak, sementara dapatan lain pula memaparkan pelbagai risiko berkaitan yang memerlukan tindakan segera oleh pelbagai pihak berkepentingan.

Berikut adalah antara dapatan utama kaji selidik ini.

- I. **Faktor risiko tinggi #1:** Walaupun lebih 80% daripada mereka yang dikaji selidik berpendapat keselamatan atas talian penting, namun kira-kira 40% daripada kanak-kanak tersebut tidak tahu cara untuk melindungi diri mereka di internet. Perbandingan antara kumpulan usia menunjukkan bahawa kanak-kanak berusia 15 tahun atau kurang lebih terdedah kepada risiko berbanding mereka yang berusia antara 16-19.
- II. **Faktor risiko tinggi #2:** 83% daripada kanak-kanak tidak menggunakan pelbagai cara untuk melindungi diri mereka di internet, di mana 30% daripada mereka langsung tidak mengambil sebarang langkah atau hanya mengambil satu tindakan untuk keselamatan mereka atas talian.

III. **Faktor risiko tinggi #3:** Kaji selidik ini mendedahkan bahawa 45% daripada semua pelajar sekolah mengambil langkah keselamatan atas talian tahap rendah. Walau bagaimanapun, 52% menyatakan bahawa mereka berasa selamat semasa menggunakan internet. Seramai 38% lagi tidak menyedari tentang keperluan untuk mengambil beberapa langkah keselamatan semasa menggunakan internet.

IV. **Menyangkal tanggapan lazim #1:** Kaji selidik ini menunjukkan bahawa kanak-kanak dari kawasan bandar tidak semestinya mempunyai kadar kesedaran lebih tinggi atau mengambil tindakan tahap tinggi untuk melindungi diri mereka berbanding kanak-kanak dari luar bandar.

V. **Menyangkal tanggapan lazim #2:** Dapatkan ini mendedahkan bahawa kesedaran kanak-kanak tentang bahaya atas talian tidak semestinya diikuti dengan tindakan positif. Lebih 40% kanak-kanak yang menyatakan bahawa keselamatan atas talian penting, namun didapati masih mengambil langkah perlindungan atas talian yang rendah.

VI. **Menyangkal tanggapan lazim #3:** Walaupun kaji selidik ini menunjukkan bahawa amalan ramai kanak-kanak Malaysia mencerminkan keupayaan digital yang lemah, namun mereka mempunyai kebimbangan sebenar tentang penggunaan internet. Antara kebimbangan utama mereka ialah tidak mendedahkan identiti sendiri, tidak mengetahui identiti orang yang berinteraksi dengan mereka dan pencerobohan privasi.

VII. **Campur tangan orang dewasa #1:** Terdapat insiden pembulian siber dalam semua kumpulan usia di mana 25% menyatakan bahawa mereka pernah dibuli sekurang-kurangnya sekali. Kaji selidik ini menunjukkan bahawa hampir 45% memilih untuk mendedahkan maklumat tentang pengalaman negatif mereka kepada ibu bapa, kawan-kawan dan adik beradik mereka. Walau bagaimanapun, guru, kaunselor sekolah dan talian bantuan awam didapati tidak menjadi sebahagian besar daripada sistem sokongan untuk berbincang mengenai kejadian sedemikian. Sememangnya ada keperluan untuk mengambil langkah-langkah ke arah meningkatkan sumber bagi kanak-kanak mendapatkan bantuan jika diperlukan.



**VIII. Campur tangan orang dewasa #2:** Sebilangan kanak-kanak dari pelbagai aspek demografi melaporkan bahawa mereka tidak mempunyai pengetahuan mengenai keselamatan dan perlindungan atas talian. Usaha itu perlu digembangkan untuk memanfaatkan tenaga internet supaya memaparkan bahaya yang mungkin timbul berikutan ketiadaan pengetahuan serta keperluan mendidik kanak-kanak, ibu bapa dan guru mengenai keselamatan dan perlindungan.

Laporan CyberSAFE di Sekolah 2014 membuat kesimpulan dengan mengesyorkan mediasi, pembinaan keupayaan serta program dianjurkan bagi memupuk semangat kewarganegaraan digital yang aktif serta membentuk keupayaan digital yang lebih teguh di kalangan kanak-kanak Malaysia.

## KONTEKS PENYELIDIKAN

CyberSAFE, singkatan bagi Kesedaran Keselamatan Siber Untuk Setiap Orang (Cyber Security Awareness For Everyone), adalah inisiatif Malaysia yang bertujuan untuk mendidik serta mempertingkatkan kesedaran orang ramai mengenai isu-isu teknologi dan sosial yang dihadapi oleh para pengguna internet, terutamanya mengenai bahaya semasa berada atas talian. Ditubuhkan oleh CyberSecurity Malaysia, pakar keselamatan siber kebangsaan di bawah jagaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Malaysia (MOSTI), ia berkembang berikutkan keperluan untuk menangani pelbagai isu berkaitan internet yang timbul berikutan kepesatan agenda digital. Sejak tahun 2010, program CyberSAFE telah sampai kepada ribuan komuniti digital di Malaysia termasuk kanak-kanak sekolah, guru, eksekutif dan golongan pekerja serta komuniti luar bandar.

Kini ia mendapat manfaat daripada kolaborasi bersama beberapa rakan strategik: Kementerian Pelajaran Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC), Childline Malaysia dan DiGi Telecommunications. Salah satu program berasaskan sekolah CyberSAFE yang lebih menonjol ialah program CyberSAFE di Sekolah yang dilancarkan pada bulan September 2010 oleh Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Bin Hj. Mohd Yassin, sebagai salah satu usahasama antara Kementerian Pelajaran dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. DiGi Telecommunications telah menyertai usahasama pintar ini pada tahun 2011 dan meneruskan usaha kempen ke seluruh negara untuk meningkatkan kesedaran tentang keselamatan kanak-kanak di Internet. Daya penggerak utama program CyberSAFE di Sekolah ialah satu siri sesi kesedaran pendidikan bagi pelajar dan guru.

Laporan ini menggariskan hasil kaji selidik peringkat kebangsaan yang diadakan sebagai sebahagian daripada program CyberSAFE di Sekolah. Penyelidikan telah dijalankan pada tahun 2013, sebelum dan selepas beberapa siri bengkel CyberSAFE di Sekolah dijalankan. Dapatan ini diperoleh daripada laporan diri kanak-kanak sekolah mengenai pandangan dan kelakuan mereka semasa menggunakan internet.

- Objektif kaji selidik ini adalah untuk meneliti beberapa dimensi kelakuan berkaitan internet:
- 1) kesedaran dan amalan berkaitan keselamatan dan perlindungan atas talian;
  - 2) pengalaman negatif dan keimbangan mengenai penggunaan internet;


- 3) rangkaian sokongan bagi kanak-kanak yang menghadapi risiko atau bahaya; dan
- 4) petunjuk trend keselamatan atas talian di negara ini.

Kajian mengenai penggunaan peranti digital dan internet oleh kanak-kanak sekolah serta kelakuan mereka semasa menggunakan internet, memberikan fahaman ke dalam cara kanak-kanak berfikir dan berinteraksi di atas talian. Semasa kita mula memahami evolusi komunikasi mudah alih, kecanggihan media serta perubahan dalam lingkaran sosio-budaya, kita juga perlu memahami cara kanak-kanak ini berinteraksi atas talian. Hasil kajian membuka laluan kepada cara-cara untuk memupuk nilai internet yang baik, menyediakan penyelesaian bagi menangani kebimbangan dan pengaruh negatif, mengukuhkan rangkaian sokongan serta memupuk semangat kewarganegaraan digital.

Dasar ICT dalam Pendidikan Malaysia sendiri bermatlamat menyampaikan perjanjian kebaikan teknologi dengan menggunakan bahan digital dan bahan pembelajaran atas talian serta saluran komunikasi yang merapatkan jurang geografi serta hierarki. Ini memerlukan satu tahap kesediaan oleh semua – guru, ibu bapa dan pemimpin komuniti.

Bagi mencapai matlamat tersebut, laporan ini mengumpulkan beberapa kategori kelakuan kanak-kanak sekolah bagi mendapatkan gambaran yang adil mengenai pengalaman mereka di dalam dan di luar sekolah. Ia merupakan satu rekod mengenai fikiran, tindakan dan kecenderungan kanak-kanak yang bertujuan untuk membolehkan kita memahami dunia mereka, serta pengaruh yang akhirnya akan memberi kesan kepada cara kita memainkan peranan keibubapaan dan mendidik kanak-kanak.

Kajian CyberSAFE di Sekolah 2013 melibatkan kanak-kanak di seluruh negara. Seramai 13,945 kanak-kanak lelaki dan perempuan berusia antara 7 hingga 19 tahun telah mengambil bahagian dalam bengkel CyberSAFE di Sekolah yang dikendalikan oleh para guru dan menjawab soalan kaji selidik tersebut sebelum dan selepas setiap bengkel. Sebanyak 16 bengkel telah dikendalikan dalam tempoh setahun. Para guru dan pelajar dari sekolah di bandar dan luar bandar mengambil bahagian dalam kajian ini yang dikendalikan sepanjang tempoh 9 bulan. Profil demografi sekolah Malaysia yang banyak mampu menjadi sumber yang bermanfaat untuk meneliti amalan internet masa kini di kalangan golongan muda di Malaysia.



Setiap bengkel CyberSAFE di Sekolah bermula dengan latihan untuk para guru yang kemudian mendidik pelajar mereka. Fokus bengkel tersebut adalah untuk menyediakan pemahaman asas mengenai penggunaan internet serta meningkatkan kesedaran terhadap keselamatan siber. Setiap bengkel mengambil masa lima setengah jam dan kandungannya dibahagikan kepada empat tema luas seperti berikut:

- (i) **Menyelamat insan** dengan menerapkan tabiat atas talian dan rangkaian sosial yang baik dan dengan melindungi identiti atas talian serta maklumat peribadi seseorang.
- (ii) **Menyelamat peranti akses internet** dengan mempelajari tentang cara-cara menyimpan maklumat atas talian dengan selamat. Satu siri bantuan pembelajaran interaktif dan video pendidikan digunakan bagi tujuan ini.
- (iii) **Menyelamat perangkaian** dengan mempelajari mengenai pelbagai jenis sambungtara.
- (iv) **Menyelamat kegunaan internet** dengan memberi perhatian kepada kelakuan pro sosial yang positif serta menggunakan bentuk akses yang sewajarnya untuk mendapatkan pelbagai sumber atas talian.

#### PROFIL DEMOGRAFI RESPONDEN (n=13,945)

JANTINA	n
Lelaki	40%   5,520
Perempuan	60%   8,425
USIA	n
Berusia <13	27.6%   3,849
Berusia 13-15	43.8%   6,103
Berusia 16-18	24.9%   3,474
Berusia >18	3.7%   519
WILAYAH	n
Utara	20.4%   2,846
Tengah	8.4%   1,173
Selatan	22.1%   3,076
Pantai Timur	18.4%   2,563
Malaysia Timur	30.7%   4,287

STRATA	n
Bandar	73%   10,225
Luar Bandar	27%   3,720
BANGSA	n
Malay	62%   8,652
Bumi Malaysia Timur	11%   1,469
Cina	17%   2,440
India	5%   657
Lain-lain	5%   727

NEGERI	n
Perlis	2%   288
Kedah	2%   341
Pulau Pinang	13%   1,850
Perak	3%   367
Selangor	5%   754
Kuala Lumpur, WP	3%   419
Negeri Sembilan	6%   771
Johor	17%   2,305
Pahang	11%   1,504
Terengganu	6%   788
Kelantan	2%   271
Sarawak	10%   1,404
Sabah	15%   2,081
Labuan, WP	6%   802

**SEKSYEN 2**  
**KEPUTUSAN KAJI SELIDIK**

MUKA SURAT / 08

## KEPUTUSAN KAJI SELIDIK

Keputusan kaji selidik ini dianalisis untuk mendapatkan maklumat dalam mengenai kelakuan kanak-kanak Malaysia berkaitan empat dimensi: keselamatan atas talian, pembulian siber, rangkaian sokongan dan kebimbangan peribadi. Kajian ini bergantung keseluruhannya kepada jawapan yang dibuat oleh kanak-kanak itu sendiri kepada soal selidik yang dikendali atas talian dengan menggunakan nama pengguna peribadi dan kata laluan.

Satu siri ujian "chi-square" digunakan dalam analisis tersebut dan keputusannya dinyatakan dalam bentuk peratusan dan kekerapan kiraan. Penjadualan bersilang menyediakan kaedah perbandingan pandangan pelajar terhadap pelbagai aspek dan memudahkan proses membuat kesimpulan mengenai penggunaan internet oleh kanak-kanak di Malaysia.

Untuk menyediakan profil menyeluruh pengguna internet muda dan remaja, kelakuan responden dianalisis mengikut pelbagai demografi seperti usia, jantina dan lokasi sekolah. Kelakuan diambil kira dari segi pemikiran dan tindakan seperti sama ada mereka menganggap bahawa keselamatan atas talian sebagai satu ciri penting atau pun bilangan jam dalam seminggu yang dihabiskan di internet lebih penting. Dalam laporan ini, perkataan atas talian dan internet serta kanak-kanak dan responden digunakan secara silih berganti.

Keputusannya dibentangkan di bawah empat seksyen, setiap satu mewakili satu daripada empat dimensi.

Berikut adalah definisi beberapa konsep yang digunakan dalam laporan ini.

- **KESELAMATAN ATAS TALIAN:** amalan internet selamat, digambar melalui langkah yang diambil atau penggunaan alat berbanding emosi atau risiko fizikal atau sebarang kemudaratian daripada interaksi di internet.
- **TINDAKAN PERLINDUNGAN:** tindakan diambil terhadap amalan internet selamat.
- **RISIKO ATAU BAHAYA:** ancaman atau kejadian sebenar apabila seorang kanak-kanak terdedah kepada internet. Kejadian yang mungkin berlaku seperti pembulian siber, hendap siber dan 'grooming' siber.
- **TAHAP KESELAMATAN:** tahap keselamatan atas talian yang dijamin; penggunaan tindakan perlindungan seperti kata laluan yang berbeza untuk akaun yang berbeza atau log keluar selepas menggunakan komputer awam.
- **TAHAP KESELAMATAN YANG TINGGI:** penggunaan lapan atau lebih langkah perlindungan untuk melindungi diri daripada sebarang kemungkinan bahaya.
- **TAHAP KESELAMATAN SEDERHANA:** penggunaan empat hingga tujuh langkah perlindungan untuk melindungi diri daripada kemungkinan bahaya.
- **TAHAP KESELAMATAN RENDAH:** penggunaan sifar hingga tiga langkah perlindungan untuk melindungi diri daripada kemungkinan bahaya.




## DIMENSI 1: KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN ATAS TALIAN (1) TINDAKAN DIAMBIL KE ARAH KESELAMATAN ATAS TALIAN

Langkah pertama untuk mewujudkan kesedaran keselamatan atas talian ialah dengan menentukan langkah-langkah yang mereka ambil untuk melindungi diri mereka sendiri di internet. Kanak-kanak diminta memilih daripada 12 opsyen langkah keselamatan yang akan mereka ambil untuk melindungi diri mereka di internet. Senarai itu meliputi perkara biasa seperti penetapan privasi, penggunaan kata laluan dan e-mel. Lebih banyak langkah keselamatan yang dipilih dikira sebagai mencerminkan tahap kesedaran keselamatan yang lebih tinggi.

- Keputusannya menunjukkan bahawa hanya sebilangan kecil kanak-kanak menggunakan pelbagai langkah untuk menjamin keselamatan mereka semasa atas talian.
- Hampir satu pertiga daripada semua kanak-kanak (29%) menunjukkan bahawa mereka hanya menggunakan satu cara tindakan atau tiada langsung untuk melindungi diri mereka di internet. Daripada kumpulan tersebut, 25% (n=3,552) memilih satu daripada 12 opsyen ditawarkan; 4% (n=618) tidak memilih sebarang opsyen. Ini mungkin disebabkan mereka tidak tahu cara untuk melindungi diri mereka, tidak bersetuju dengan sebarang langkah yang disenaraikan atau kerana mereka telah mengabaikan soalan tersebut.
- Hanya 17% (n=1,379) daripada kanak-kanak tersebut menunjukkan bahawa mereka mengambil 8, 9 atau 10 langkah. Selebihnya, 38% mengambil 4-7 langkah, sementara 45% mengambil 0-3 langkah.

### A. PECAHAN KANAK-KANAK MENGIKUT LANGKAH PERLINDUNGAN YANG DIAMBIL UNTUK MELINDUNG DIRI MEREKA (n=13,945)





### Apa tindakan yang anda telah ambil untuk melindungi diri anda di internet?

- Menetapkan tetapan peribadi saya
- Imbas semua fail yang saya muat turun
- Tidak membuka emel dari orang yang tidak dikenali
- Tidak menjadikan orang tidak dikenali sebagai kawan
- Tidak mendedahkan maklumat peribadi saya
- Tidak berkongsi terlalu banyak maklumat mengenai diri saya
- Mengamalkan tatacara/kelakuan internet yang baik (misalnya hormat orang lain, sopan)
- Log keluar setiap kali menggunakan komputer awam
- Hanya guna komputer awam untuk tujuan melayari internet, berbanding untuk mengakses akaun atas talian
- Guna kata laluan yang kukuh
- Lain-lain langkah yang tiada dalam senarai ini
- Tidak berbuat apa-apa

- Kaji selidik ini mendedahkan 9 daripada 12 langkah kelihatan paling banyak digunakan oleh responden. Satu langkah yang akan digunakan oleh 60% daripada responden ialah ‘Log keluar setiap kali selepas menggunakan komputer awam’.
- Langkah-langkah lain yang digunakan oleh kanak-kanak ialah ‘Tidak mendedahkan maklumat peribadi saya’ (55%), ‘Tidak berkongsi terlalu banyak maklumat peribadi saya’ (53%) dan ‘Menetapkan tetapan privasi saya’ (50%). Peratusan yang tinggi di kalangan mereka juga menunjukkan bahawa mereka akan menggunakan kata laluan yang kukuh (44%), tidak menjadikan orang tidak dikenali sebagai kawan (43%), tidak buka e-mel daripada orang yang tidak dikenali (38%) dan mengamalkan tatacara internet yang baik (30%).
- Hanya 15% daripada responden menunjukkan bahawa mereka mengambil langkah untuk memastikan keselamatan apabila menggunakan komputer awam.

### B. PERATUS KANAK-KANAK MENGIKUT LANGKAH YANG DIAMBIL (n=13,945)



HANYA SATU PERATUSAN KECIL KANAK-KANAK SAHAJA MENGGUNAKAN PELBAGAI LANGKAH UNTUK MEMASTIKAN KESELAMATAN ATAS TALIAN.


## DIMENSI 1: KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN ATAS TALIAN (2) UMUR DAN LANGKAH-LANGKAH YANG DIAMBIL UNTUK MEMASTIKAN KESELAMATAN ATAS TALIAN

Perkara kedua yang dikaji ialah kesedaran keselamatan atas talian mengikut usia. Bagi menentukan pola berkaitan usia dalam data berkenaan, maklum balas kepada soalan tentang bilangan langkah yang diambil untuk melindungi diri dijadual silang dengan usia. Empat kategori usia telah dianalisis iaitu

- Kanak-kanak berusia bawah 13 (n=3,849)
- Kanak-kanak berusia 13-15 (n=6,103)
- Kanak-kanak berusia 16-18 (n=3,474)
- Kanak-kanak berusia atas 18 (n=519)
- Secara keseluruhan, kanak-kanak yang lebih berusia mengambil lebih banyak langkah untuk melindungi diri mereka berbanding kanak-kanak yang lebih muda.


- 44.3% daripada kanak-kanak sekolah rendah (<13) tidak mengambil sebarang langkah (7.7%) atau hanya mengambil satu langkah (36.6%). Secara perbandingan, 18.5% daripada mereka yang berusia atas 18 tidak mengambil sebarang langkah (2.7%) atau mengambil satu langkah sahaja (15.8%).
- Kira-kira 24% daripada kanak-kanak berusia atas 18 mengambil 8-10 langkah untuk melindungi diri mereka. Walau bagaimanapun, hanya 8% daripada kanak-kanak bawah 13 mengambil bilangan langkah yang sama.
- Perbandingan silang usia menunjukkan bahawa kanak-kanak berusia bawah 15 mengambil bilangan langkah keselamatan yang lebih sedikit untuk melindungi diri mereka di internet berbanding mereka yang berusia 16 atau lebih.

### 2A. PECAHAN KANAK-KANAK MENGIKUT USIA DAN BILANGAN LANGKAH YANG DIAMBIL




LEBIH RAMAI  
KANAK-KANAK BERUSIA  
LEBIH TUA MENGAMBIL  
PELBAGAI LANGKAH  
KESELAMATAN  
BERBANDING KANAK-  
KANAK YANG  
LEBIH MUDA


### 2B. PERBANDINGAN ANTARA <13 DAN >18



### 2C. PERBANDINGAN ANTARA <13 DAN 16-18



### 2D. PERBANDINGAN ANTARA <13 DAN 13-15



### 2E. PERBANDINGAN ANTARA 13-15 DAN >18

## DIMENSI 1: KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN ATAS TALIAN (3) TAHAP KESELAMATAN MENGIKUT JANTINA

### SEKSYEN 2 KEPUTUSAN KAJI SELIDIK


MUKA SURAT / 11

Naluri keselamatan kanak-kanak juga dikaji dari segi jantina mereka.

- Secara keseluruhan, terdapat sedikit perbezaan pada bilangan langkah yang diambil oleh kanak-kanak lelaki dan perempuan untuk melindungi diri mereka di internet.

- Kaji selidik ini mendedahkan bahawa hampir setengah kanak-kanak lelaki (49%) mengamalkan langkah perlindungan tahap rendah apabila mereka berinternet. Secara perbandingan, peratus kanak-kanak perempuan yang termasuk di bawah kategori ini adalah lebih rendah (42%).

### 3. TAHAP KESELAMATAN MENGIKUT JANTINA



## DIMENSI 1: KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN ATAS TALIAN (4) TAHAP KESELAMATAN MENGIKUT USIA


Kajian seterusnya meneliti tahap keselamatan yang diambil oleh kanak-kanak dalam kumpulan usia yang berbeza.

'Tahap keselamatan' ditakrif dari segi bilangan langkah yang diambil bagi perlindungan atas talian, adalah seperti berikut: Tinggi: 8-10 langkah; Sederhana: 4-7 langkah; Rendah: 0-3 langkah.


- Kaji selidik ini menunjukkan dengan ketara bahawa kanak-kanak yang lebih tinggi usia mempunyai tahap perlindungan yang lebih tinggi. Dua pertiga daripada kanak-kanak bawah usia 13 tahun mempunyai tahap keselamatan yang rendah. Sebaliknya, dua pertiga kanak-kanak berusia 16 dan ke atas mempunyai tahap perlindungan yang sederhana.

- Data ini menunjukkan bahawa kanak-kanak yang lebih muda <13 mempunyai tahap perlindungan paling rendah: hanya 8% merekodkan tahap yang tinggi; 31% mengambil tindakan sederhana, sementara 62% mempunyai tindakan tahap rendah.
- Hanya 18% daripada kumpulan usia 13-15 merekodkan tahap perlindungan yang tinggi; 41% termasuk bawah kategori tahap sederhana, sementara 41% lagi termasuk dalam kategori tahap rendah.
- Kanak-kanak berusia lebih tinggi 16 dan ke atas, tidak terlindung sepenuhnya: kurang daripada satu per empat kanak-kanak berusia lebih tinggi (24%) mempunyai tahap perlindungan lebih tinggi di internet; 34% mengambil tindakan sederhana, sementara 43% mengambil tahap perlindungan yang rendah.

### 4A. TAHAP KESELAMATAN MENGIKUT USIA




#### 4B. BILANGAN LANGKAH PERLINDUNGAN MENGIKUT USIA



- Kajian ini juga menunjukkan bahawa majoriti kanak-kanak menyatakan bahawa mereka mengetahui tentang cara-cara untuk melindungi diri mereka. Lebih ramai kanak-kanak di seluruh kumpulan usia memaklumkan bahawa mereka tahu bagaimana untuk melindungi diri mereka semasa menggunakan internet berbanding dengan mereka yang tidak tahu.
- Walau bagaimanapun, masih terdapat sekumpulan besar (48%) kanak-kanak berusia 18 dan ke atas, yang memaklumkan bahawa mereka tidak tahu cara untuk melindungi diri mereka ketika di atas talian.

#### 4C. PENGETAHUAN MENGENAI PERLINDUNGAN ATAS TALIAN MENGIKUT USIA




## DIMENSI 1: KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN ATAS TALIAN (5) TAHAP KESELAMATAN MENGIKUT LOKASI: NEGERI

Data yang dikumpul dari negeri yang berbeza di Malaysia tertakluk kepada analisis dalam negeri. Kanak-kanak di setiap negeri telah dikategorikan di bawah tahap keselamatan Tinggi, Sederhana atau Rendah berdasarkan bilangan langkah keselamatan yang mereka ambil untuk melindungi diri mereka semasa di atas talian.

- Negeri yang mempunyai peratus kanak-kanak dengan tahap perlindungan tinggi ialah Sarawak (23%) Johor (21%) dan Terengganu (18%).


- Negeri yang mempunyai peratus kanak-kanak dengan tahap perlindungan rendah ialah Kelantan (70%) Kuala Lumpur (59%) dan Perlis (58%).
- Data ini menunjukkan bahawa tahap perlindungan yang tinggi tidak diambil oleh sebilangan besar kanak-kanak. Sebaliknya, sebilangan besar kanak-kanak hanya mengamalkan tahap perlindungan yang rendah.

### 5A. TAHAP KESELAMATAN BERDASARKAN KEPADA ANALISIS DALAM NEGERI




TINGGI TETAPI RENDAH,  
RENDAH TETAPI TINGGI.  
HANYA 23% KANAK-KANAK DI  
SARAWAK MENGAMALKAN TAHAP  
KESELAMATAN TINGGI. MANAKALA  
TAHAP KESELAMATAN PALING RENDAH  
DIAMALKAN OLEH 70% DARIPADA  
KANAK-KANAK DI KELANTAN.

### 5B. PECAHAN MENGIKUT NEGERI BAGI KANAK-KANAK DENGAN TAHAP KESELAMATAN YANG TINGGI



### 5C. PECAHAN MENGIKUT NEGERI BAGI KANAK-KANAK DENGAN TAHAP KESELAMATAN YANG RENDAH




## DIMENSI 1: KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN ATAS TALIAN (6) TAHAP KESELAMATAN ATAS TALIAN MENGIKUT LOKASI: STRATA BANDAR-LUAR BANDAR

Seperti analisis mengikut negeri, kanak-kanak dari sekolah di bandar dan luar bandar dikaji mengikut tahap perlaksanaan langkah keselamatan Tinggi, Sederhana dan Rendah.


- Secara keseluruhan, statistik bagi kanak-kanak bandar-luar bandar menunjukkan bahawa tiada perbezaan ketara di antara kanak-kanak bandar dan kanak-kanak luar bandar dari segi amalan langkah keselamatan atas talian. Walaubagaimanapun, lebih ramai kanak-kanak luar bandar menggunakan tahap perlindungan yang rendah, manakala lebih ramai kanak-kanak bandar menggunakan tahap perlindungan yang tinggi atau sederhana.

### 6A. BAGI ANDA, APAKAH TAHAP KEPENTINGAN UNTUK BELAJAR MENGENAI KESELAMATAN?




- Separuh daripada kanak-kanak di bandar-luar bandar berasa selamat atas talian. Lebih daripada 90% berpendapat bahawa ia penting bagi mereka mempelajari tentang keselamatan. Lebih 60% menunjukkan bahawa mereka mengetahui cara yang perlu diambil untuk melindungi diri mereka atas talian.
- Namun, secara purata, hanya 16% daripada mereka mengamalkan 8 hingga 10 langkah untuk melindungi diri mereka apabila mereka berada atas talian. Kaji selidik ini mendapati bahawa 42% daripada kanak-kanak bandar dan 53% daripada kanak-kanak luar bandar hanya mengambil beberapa langkah untuk melindungi diri mereka semasa di internet.


### 6B. ADAKAH ANDA TAHU BAGAIMANA UNTUK MELINDUNGİ DIRI ANDA DI INTERNET?



### 6C. ADAKAH ANDA BERASA SELAMAT SEMASA DI INTERNET?




### 6D. SETAKAT MANAKAH LANGKAH KESELAMATAN DILAKUKAN?



## DIMENSI 1: KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN ATAS TALIAN (7) TAHAP KESELAMATAN DAN PERATURAN DI RUMAH


Jawapan kepada soalan mengenai peraturan penggunaan komputer di rumah dikira serentak dengan jawapan kepada soalan sama ada komputer di rumah terletak di ruang terbuka. Kanak-kanak juga ditanya sama ada terdapat peraturan berhubung disiplin, keselamatan, tatacara penggunaan internet dan pengawasan oleh ibu bapa atau penjaga.

- Sebanyak 50% daripada kanak-kanak mengatakan tiada peraturan melibatkan pengawasan ibu bapa, dan lebih satu per tiga berkata tiada peraturan mengenai keselamatan atas talian.
- Bagi mereka yang menyatakan terdapat peraturan bagi penggunaan internet, 72% melaporkan bahawa terdapat peraturan untuk disiplin, 50% bagi pengawasan ibu bapa, 63% bagi keselamatan, dan hanya 33% berhubung tatacara penggunaan internet.
- Kanak-kanak melaporkan terdapat sehingga 4 peraturan bagi disiplin dan pengawasan, 7 untuk keselamatan dan hanya satu berkaitan tatacara penggunaan internet.



- Kajian ini juga mendapati bahawa 70% daripada kanak-kanak yang mempunyai komputer di ruang terbuka di rumah mereka mempunyai peraturan bagi penggunaan internet. Sebaliknya, hanya 30% kanak-kanak dari kediaman di mana komputer tidak diletakkan di ruang terbuka menyatakan terdapat peraturan menggunakan internet. Terdapat peratusan yang tinggi di kalangan kanak-kanak yang tidak pasti tentang lokasi komputer atau adanya peraturan.
- Lebih ramai kanak-kanak dari kediaman di mana komputer tidak diletakkan di ruang terbuka (46%) menggunakan tahap perlindungan atas talian yang rendah berbanding dengan mereka yang mempunyai komputer yang diletakkan di ruang terbuka (43%).

70% DARIPADA  
KANAK-KANAK DARI KEDIAMAN  
DI MANA KOMPUTER DILETAKKAN  
DI RUANG TERBUKA TERTAKLUK  
KEPADÄ PERATURAN PENGGUNAAN  
INTERNET, BERBANDING HANYA  
30% DARIPADA KANAK-KANAK  
DI MANA KOMPUTER  
TIDAK DILETAKKAN  
DI RUANG TERBUKA.




## DIMENSI 1: KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN ATAS TALIAN (7) TAHAP KESELAMATAN DAN PERATURAN DI RUMAH


SEKSYEN 2  
KEPUTUSAN KAJI SELIDIK

MUKA SURAT / 17


7B. PECAHAN KANAK-KANAK MENGIKUT JUMLAH PERATURAN  
BAGI DISIPLIN




7C. PECAHAN KANAK-KANAK MENGIKUT JUMLAH PERATURAN  
BAGI PENGAWASAN IBU BAPA




7D. PECAHAN KANAK-KANAK MENGIKUT JUMLAH PERATURAN  
BAGI KESELAMATAN



7E. PECAHAN KANAK-KANAK MENGIKUT JUMLAH PERATURAN  
BAGI TATACARA



7F. TAHAP KESELAMATAN MENGIKUT LOKASI  
KOMPUTER DI RUMAH




## DIMENSI 1: KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN ATAS TALIAN (8) TAHAP KESELAMATAN DAN MASA YANG DILUANGKAN DI INTERNET

Analisis ini mempertimbangkan hubungan antara jumlah masa yang diluangkan oleh kanak-kanak di internet dan (i) tahap keselamatan serta (ii) lokasi komputer di rumah.


- Tanpa mengira jumlah masa yang diluangkan di internet, didapati tidak ramai pelajar yang mengambil langkah perlindungan tahap tinggi.
- Lebih satu per tiga daripada pelajar yang meluangkan lebih daripada 15 jam seminggu di internet mengamalkan langkah perlindungan tahap rendah atas talian.

- Lebih separuh daripada pelajar yang mengamalkan tahap perlindungan terendah tidak mengetahui berapa lamakah masa yang diluangkan di internet, atau menggunakan internet kurang dari 4 jam.
- Di kalangan kanak-kanak yang menghabiskan masa lebih dari 28 jam seminggu di internet, lebih ramai antara mereka (21%) datang daripada keluarga yang tidak meletakkan komputer di ruang terbuka; manakala peratusan yang kecil (17%) yang meletakkan komputer mereka di ruang terbuka di rumah, menggunakan lebih dari 28 jam seminggu.


8A. BILANGAN JAM YANG DILUANGKAN DI INTERNET DAN TAHAP PERLINDUNGAN



8B. LOKASI KOMPUTER DI RUMAH MENGIKUT MASA YANG DIGUNAKAN UNTUK BERINTERNET DALAM SEMINGGU



8C. PERATUSAN KANAK-KANAK MENGIKUT BILANGAN JAM YANG DIGUNAKAN UNTUK BERINTERNET SEMINGGU (n=13,945)



## DIMENSI 1: KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN ATAS TALIAN (9) KESEDARAN TENTANG KESELAMATAN SECARA KESELURUHAN

### SEKSYEN 2 KEPUTUSAN KAJI SELIDIK

MUKA SURAT / 19


Bagi memastikan tahap keselamatan yang diambil oleh kanak-kanak semasa mereka melayari internet, soalan yang sama telah diajukan kepada kanak-kanak daripada semua peringkat usia. Maklum balas daripada kanak-kanak dianggap sebagai petunjuk kepada langkah yang diambil atau tidak diambil bagi memastikan keselamatan mereka.

#### 9A. PECAHAN MAKLUM BALAS KANAK-KANAK MENGIKUT UMUR

UMUR	SAYA RASA SELAMAT	SAYA RASA TIDAK SELAMAT
Berusia <13 (n=3,849)	51%	32%
Berusia 13-15 (n=6,103)	55%	31%
Berusia 16-18 (n=3,474)	50%	39%
Berusia >18 (n=519)	46%	41%
Jumlah (n=13,945)	50%	35%

- Secara keseluruhan, didapati hanya separuh daripada semua kanak-kanak berasa mereka selamat semasa melayari internet. Namun, terdapat perbezaan kecil antara kanak-kanak bawah 15 tahun dan melebihi 18 tahun: lebih ramai kanak-kanak yang lebih muda berasa selamat berbanding kanak-kanak yang lebih berusia.
- Lebih satu per tiga daripada semua kanak-kanak (35%) berkata mereka berasa tidak selamat sama sekali; 41% daripada kanak-kanak dalam kategori yang paling tua berkata mereka berasa tidak selamat.
- Sebilangan kanak-kanak daripada semua kumpulan usia berkata mereka tidak tahu sama ada mereka selamat.

#### 9B. ADAKAH ANDA BERASA SELAMAT?



Berusia <13 (n=3,849)  
Berusia 13-15 (n=6,103)  
Berusia 16-18 (n=3,474)  
Berusia >18 (n=519)




## DIMENSI 1: KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN ATAS TALIAN (10) PENGETAHUAN MENGENAI PERLINDUNGAN ATAS TALIAN

Analisis selanjutnya mengkaji isu persepsi kanak-kanak berkaitan keselamatan, dan ia menunjukkan bilangan langkah yang diambil bagi memastikan keselamatan mereka semasa atas talian. Persoalan berkaitan yang timbul adalah jika kanak-kanak berasa tidak selamat atas talian, adakah mereka tahu bagaimana cara untuk melindungi diri mereka semasa di talian?

- Keputusan menunjukkan kira-kira satu per lima daripada kanak-kanak berkata mereka tahu cara-cara untuk melindungi diri mereka dengan mengambil langkah pencegahan tahap tinggi.
- Sebilangan besar (51-66%) daripada responden didapati tidak tahu bagaimanakah cara untuk melindungi diri mereka. Pada masa yang sama, kumpulan ini hanya melaksanakan langkah pencegahan tahap rendah sahaja.

10. PENGETAHUAN MENGENAI PERLINDUNGAN ATAS TALIAN MENGIKUT TAHAP KESELAMATAN (n=13,945)



## DIMENSI 1:

### KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN ATAS TALIAN

#### (11) KEPENTINGAN MEMPELAJARI TENTANG KESELAMATAN


Sejajar dengan pengetahuan kanak-kanak tentang keselamatan di atas talian, kaji selidik ini mengetengahkan pendapat kanak-kanak mengenai kepentingan mempelajari tentang keselamatan di atas talian.

- Kanak-kanak daripada semua kumpulan usia mengakui tentang pentingnya keselamatan dan mempelajari tentang keselamatan. Sekumpulan kecil (iaitu kurang daripada 10%) menyatakan bahawa keselamatan tidak penting atau mereka tidak tahu sama ada ia penting atau tidak.
- Lebih 80% daripada kanak-kanak yang menganggap pembelajaran tentang keselamatan di atas talian tidak penting, atau yang tidak tahu sama ada ia penting atau tidak, mengamalkan langkah keselamatan di atas talian tahap rendah.
- Data tersebut menunjukkan bahawa kurang daripada satu perlima daripada semua


responden berpendapat bahawa pembelajaran tentang keselamatan sebagai sesuatu yang penting dan pada masa yang sama mengambil langkah pencegahan tahap tinggi.

- Satu pertiga daripada kanak-kanak yang mengatakan bahawa mempelajari tentang keselamatan di atas talian sebagai amat penting tetapi hanya mengambil langkah keselamatan di atas talian tahap rendah.
- Keputusan ini menunjukkan bahawa 82% daripada kanak-kanak yang tidak tahu sama ada mempelajari tentang keselamatan di atas talian sesuatu yang penting turut mengambil beberapa langkah bagi memastikan keselamatan mereka di atas talian. Terdapat peratusan yang sama bagi kanak-kanak yang mengatakan bahawa mempelajari tentang keselamatan di atas talian sebagai tidak penting tetapi turut mengambil beberapa langkah keselamatan di atas talian.

#### 11A. TANGGAPAN TENTANG KEPENTINGAN MEMPELAJARI TENTANG KESELAMATAN MENGIKUT USIA



#### 11B. TAHAP LANGKAH PERLINDUNGAN DAN KEPENTINGAN MEMPELAJARI TENTANG KESELAMATAN



## DIMENSI 1: KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN ATAS TALIAN (12) TAHP KESELAMATAN SELEPAS BENGKEL CYBERSAFE


Salah satu daripada fakta penting yang menarik dalam kajian tersebut adalah kesan bengkel CyberSAFE di Sekolah berhubung pandangan kanak-kanak mengenai keselamatan. Selepas bengkel CyberSAFE di Sekolah, perkara-perkara berikut dapat diperhatikan dengan ketara.

- Lebih ramai responden berasa selamat selepas bengkel berbanding mereka yang tidak mengikutinya.
- Taburan tahap keselamatan begitu hampir menyamai dapatan dari maklum balas prabengkel. Kanak-kanak yang mengambil 8 hingga 10 langkah dalam perlindungan peribadi adalah di kalangan bilangan minoriti.
- Majoriti daripada kanak-kanak yang mengatakan bahawa mereka berasa selamat sepenuhnya juga merupakan mereka yang mengambil langkah perlindungan tahap rendah.

Hanya 15% daripada mereka yang berasa selamat sepenuhnya dan 20% daripada mereka yang berasa agak selamat telah dilaporkan menggunakan perlindungan tahap tinggi.

- Terdapat peratusan kanak-kanak yang besar yang langsung tidak berasa selamat (54%) atau mengatakan bahawa mereka tidak tahu sama ada mereka berasa selamat atau tidak (60%). Kedua-dua kumpulan kanak-kanak ini turut menggunakan langkah keselamatan di atas talian tahap rendah dari sudut jumlah langkah yang diambil bagi memastikan keselamatan peribadi.
- Kebanyakan kanak-kanak yang mengatakan bahawa mereka tidak tahu sama ada mereka berasa selamat atau tidak semasa di internet juga merupakan mereka yang mengambil langkah perlindungan tahap rendah.
- Keputusan-keputusan ini menunjukkan perlunya tahap kesedaran yang lebih tinggi mengenai keselamatan di atas talian di kalangan kanak-kanak sekolah.

12A. TAHP KESELAMATAN SELEPAS BENGKEL CYBERSAFE



KEPUTUSAN INI  
MENUNJUKKAN PERLUNYA  
TAHP KESEDARAN  
LEBIH TINGGI MENGENAI  
KESELAMATAN DI ATAS  
TALIAN DI KALANGAN  
KANAK-KANAK SEKOLAH

## DIMENSI 2: PEMBULIAN SIBER (13) TAKRIFAN PEMBULIAN SIBER

### SEKSYEN 2 KEPUTUSAN KAJI SELIDIK

MUKA SURAT / 23

Dimensi kedua kajian ini memberi tumpuan kepada persoalan bagaimana kanak-kanak memahami ‘pembulian siber,’ bagaimana mereka mentakrifnya dan bagaimana pengalaman berkaitan pembulian siber terzahir dalam kehidupan mereka. Sebagai permulaan, kanak-kanak diberi satu senarai 11 pilihan untuk mereka pilih sebagai jawapan kepada soalan apakah yang mereka anggap sebagai pembulian siber.

- Didapati bahawa, takrifan 13,945 orang kanak-kanak tentang pembulian siber adalah berpelbagai. Hampir satu pertiga atau 63% mengatakan bahawa ‘membuli orang lain di internet’ merujuk kepada pembulian siber. Di samping itu, lebih separuh daripada responden (54%) menganggap bahawa ‘mengugut orang lain di internet’ sebagai pembulian siber.
- Hanya 39% merasakan bahawa pembulian siber adalah berkaitan dengan penghantaran mesej berniat jahat, 35% merasakan bahawa ia adalah membuat komen di atas talian dengan niat jahat atau tidak baik mengenai seseorang, dan 34% pula menganggap apabila seseorang menyamar sebagai orang lain di atas talian.
- Peratusan responden yang lebih kecil menganggap bahawa pembulian siber bermaksud mencerobohi maklumat atau peranti orang lain (27%) atau melakukan sesuatu di atas talian sebagai gurauan (21%).
- Maklum balas kanak-kanak terhadap dua perkara lagi amat mengejutkan dan memerlukan perhatian khusus. Didapati bahawa 18% kanak-kanak memberi respon positif terhadap ‘Pembulian siber hanya satu istilah yang diperbesarkan dan bukan sesuatu yang serius’ dan 8% daripada mereka memberi respon positif kepada ‘Pembulian siber bukan sesuatu yang serius kerana ia hanya berlaku secara atas talian dan bukan di dunia sebenar.’ Respon ini menimbulkan persoalan mengenai corak pemikiran kanak-kanak yang menganggap tingkah laku sebegini sebagai ‘tidak serius’.
- Didapati juga bahawa 18.7% (n=2,606) daripada kanak-kanak tersebut memberi maklum balas dengan mengatakan ‘Ya’ kepada ‘Saya tidak tahu’ dan 2.9% (n=410) kepada ‘Tiada di atas.’
- Kesimpulannya, walaupun ramai kanak-kanak yang mengetahui maksud pembulian siber, masih wujud ketidakpastian mengenai implikasi pembulian siber.


#### Apa pendapat anda tentang pembulian siber, atau Apakah makna perkataan tersebut kepada anda?

1. Apabila seseorang membuli orang lain di internet
2. Apabila seseorang mengugut orang lain di internet
3. Apabila seseorang menghantar SMS atau gambar dengan niat jahat kepada orang lain
4. Apabila seseorang menyamar sebagai orang lain di atas talian, secara sengaja atau secara suka-suka
5. Apabila seseorang membaca SMS atau maklumat orang lain (dari peranti orang tersebut), sama ada secara rahsia atau tanpa kebenaran pemiliknya
6. Apabila seseorang membuat komen yang tidak baik/berniat jahat atau meletakkan komen yang tidak benar tentang orang lain di atas talian
7. Melakukan sesuatu di atas talian sebagai gurauan kepada orang lain tetapi tidak dianggap lucu oleh orang yang ditujukan (penerima)
8. Pembulian siber hanyalah satu istilah yang diperbesarkan dan bukan sesuatu yang serius
9. Pembulian siber bukan sesuatu yang serius kerana ia hanya berlaku secara atas talian dan bukan di dunia sebenar
10. Tiada di atas
11. Saya tidak tahu



## DIMENSI 2: PEMBULIAN SIBER (13) TAKRIFAN PEMBULIAN SIBER

13A. TAKRIFAN KANAK-KANAK TERHADAP PEMBULIAN SIBER (n=13,945)



### APAKAH MAKSUM PEMBULIAN SIBER KEPADA KANAK-KANAK MALAYSIA?

8% MENGATAKAN BAHWA  
PEMBULIAN SIBER HANYA SATU  
ISTILAH YANG DIPERBESARKAN DAN BUKAN SESUATU YANG SERIUS

18% MENGATAKAN BAHWA  
PEMBULIAN SIBER BUKAN  
SESUATU YANG SERIUS KERANA  
IA HANYA BERLAKU SECARA ATAS  
TALIAN DAN BUKAN DI DUNIA SEBENAR



## DIMENSI 2: PEMBULIAN SIBER

### (14) KEJADIAN PEMBULIAN SIBER


#### SEKSYEN 2 KEPUTUSAN KAJI SELIDIK

MUKA SURAT / 25

Bahagian kedua analisis ke atas pembulian siber meneliti kekerapan dan bentuk pembulian. Kanak-kanak memberi maklum balas kepada soalan ‘Pernahkah anda dibuli di internet, sama ada melalui SMS, MMS, media sosial seperti Facebook dan lain-lain?’ dengan menyatakan berapa kali mereka telah dibuli atau jika mereka tidak pernah dibuli atau tidak pasti mengenainya.


- Daripada 13,945 orang responden, lebih daripada satu perempat atau 3,600 daripada mereka menyatakan bahawa mereka pernah dibuli. Hampir 3% menyatakan bahawa mereka telah dibuli berbilang kali manakala 12% daripada mereka pernah dibuli beberapa kali. 11% lagi pernah dibuli sekali.
- Separuh daripada responden (52%) menyatakan bahawa mereka tidak pernah dibuli. Lebih daripada satu perlima (23%) pula tidak pasti sama ada mereka pernah dibuli atau tidak.

#### 14A. PERNAHKAH ANDA DIBULI DI INTERNET, SAMA ADA MELALUI SMS, MMS, MEDIA SOSIAL SEPERTI FACEBOOK DAN LAIN-LAIN?




- Seterusnya didapati bahawa di kalangan 3,600 orang kanak-kanak yang telah menyatakan bahawa mereka pernah dibuli, 78% pernah digelar nama-nama tidak baik atau dipersenda, dan 75% pernah menerima mesej-mesej biadap. Seramai 68% pula pernah difitnah dan pernah disisih atau tidak dipedulikan, manakala 61% menyatakan yang akaun mereka pernah digodam.
- Di samping itu, 58% pernah mengalami situasi di mana orang lain memuat naik gambar-gambar yang mereka anggap memalukan, 57% berkata maklumat peribadi mereka pernah disebarluaskan tanpa kebenaran dan 50% pernah diugut atau dipaksa melakukan sesuatu.

#### 14B. PERNAHKAH ANDA DIBULI?



#### 14C. BAGAIMANA ANDA DIBULI (n=3,600)




## DIMENSI 2: PEMBULIAN SIBER (14) KEJADIAN PEMBULIAN SIBER

Analisis ini turut mengkaji perbezaan takrifan pembulian siber antara kanak-kanak yang mengatakan bahawa mereka pernah dibuli sekurang-kurangnya sekali dan mereka yang tidak pernah dibuli. Peratus maklum balas oleh responden yang pernah dibuli dan tidak pernah dibuli dibandingkan bagi setiap perkara di bawah:


1. Apabila seseorang membuli orang lain di internet
2. Apabila seseorang mengugut orang lain di internet
3. Apabila seseorang menghantar SMS atau gambar dengan niat jahat kepada orang lain
4. Apabila seseorang menyamar sebagai orang lain di atas talian, secara sengaja atau secara suka-suka
5. Apabila seseorang membaca SMS atau maklumat orang lain (dari peranti orang tersebut), sama ada secara rahsia atau tanpa kebenaran pemiliknya
6. Apabila seseorang membuat komen tidak baik/ berniat jahat atau tidak benar tentang orang lain di atas talian
7. Melakukan sesuatu di atas talian sebagai gurauan kepada orang lain yang sebenarnya tidak dianggap lucu bagi orang yang ditujukan (penerima)
8. Pembulian siber hanya satu istilah yang diperbesarkan dan bukan sesuatu yang serius

- Terdapat perbezaan yang ketara dalam takrifan pembulian siber antara mereka yang pernah dibuli sekurang-kurangnya sekali dengan mereka yang tidak pernah dibuli. Peratusan yang jauh lebih tinggi bagi mereka yang tidak pernah dibuli menganggap semua perkara yang disenaraikan sebagai pembulian di siber. Contohnya bagi perkara-perkara seperti 'Apabila seseorang mengugut orang lain di internet', perbezaannya adalah sebanyak 30%; manakala bagi 'Apabila seseorang membut komen tidak baik/ berniat jahat atau tidak benar tentang orang lain di atas talian', perbezaannya adalah sebanyak 29%.
- Apabila aspek-aspek pembulian di siber yang lain diperkenalkan, angka-angka tersebut kekal tinggi bagi mereka yang tidak pernah dibuli berbanding mereka yang pernah dibuli. Dapatkan ini mungkin merupakan satu petunjuk bahawa, bagi individu yang pernah dibuli, banyak perkara yang berlaku di atas talian – atau banyak aktiviti yang dilakukan oleh responden – tidak dinggap sebagai pembulian siber.
- Sementara itu bagi mereka yang tidak pernah dibuli, ada kemungkinan yang mereka tidak mengetahui bahawa mereka juga pernah dibuli, atau tidak pasti tentang maksudnya.

### 14D. MAKSUM PEMBULIAN SIBER OLEH MEREKA YANG PERNAH DIBULI DAN TIDAK PERNAH DIBULI



### 14E. PERBEZAAN PERATUSAN DALAM TAKRIFAN PEMBULIAN SIBER OLEH RESPONDEN YANG PERNAH DIBULI DAN TIDAK PERNAH DIBULI



## DIMENSI 2: PEMBULIAN SIBER (15) PEMBULIAN SIBER DAN USIA

### SEKSYEN 2 KEPUTUSAN KAJI SELIDIK

MUKA SURAT / 27


Data kaji selidik ini diteliti untuk mengenal pasti perbezaan dalam kejadian buli dalam semua kumpulan kanak-kanak.

- Trend bagi kategori ‘pernah dibuli’, ‘tidak pernah dibuli’ dan ‘tidak pasti sama ada pernah dibuli atau tidak’ adalah sama di semua kumpulan usia.
- Secara purata, kira-kira separuh daripada jumlah kanak-kanak dalam semua kumpulan usia tidak pernah dibuli, manakala satu perempat daripada mereka pernah dibuli sekurang-kurangnya sekali. Walau bagaimanapun, tidak ramai kanak-kanak


berusia atas 18 tahun melaporkan bahawa mereka pernah dibuli dan juga terdapat lebih ramai daripada kumpulan ini yang tidak pasti sama ada mereka pernah dibuli atau tidak.

- Penemuan tersebut menjadi lebih membimbangkan apabila statistik bagi kanak-kanak yang pernah dibuli diteliti dengan lebih mendalam. Didapati bahawa, walaupun hanya 4% kanak-kanak berusia lebih 18 tahun pernah dibuli, namun 43% daripada kumpulan yang berusia 13 hingga 15 tahun pernah dibuli. Peratus kanak-kanak pernah dibuli yang berusia 16 hingga 18 tahun dan di bawah 13 tahun masing-masing adalah sebanyak 26% dan 28%.

#### 15A. PERATUS KANAK-KANAK YANG PERNAH DIBULI, TIDAK PERNAH DIBULI DAN TIDAK PASTI SAMA ADA PERNAH DIBULI ATAU TIDAK



#### 15B. TABURAN SEMUA KANAK-KANAK YANG PERNAH DIBULI SEKURANG-KURANGNYA SEKALI MENGIKUT USIA (n=3,600)




KUMPULAN KANAK-KANAK PERNAH DIBULI TERTINGGI ADALAH YANG BERUSIA 13-15 TAHUN IAITU SEBANYAK 43%

## DIMENSI 2: PEMBULIAN SIBER (16) KEJADIAN MEMBULI DAN LOKASI


Daripada segi lokasi, diperhatikan terdapat perbezaan yang jelas di antara strata bandar-luar bandar dan negeri.

- Secara keseluruhan, keputusan menunjukkan bahawa lebih ramai kanak-kanak luar bandar (28%) berbanding bandar (25%) yang telah dibuli sekurang-kurangnya sekali.
- Analisis dari sudut negeri mendedahkan bahawa Kelantan (15%), Selangor (20%), Kedah (21%), Sarawak (21%) dan Perlis (21%), mempunyai bilangan kanak-kanak paling sedikit yang pernah dibuli sekurang-kurangnya sekali.

**16A. TABURAN RESPONDEN YANG PERNAH DIBULI, TIDAK PERNAH DIBULI DAN TIDAK PASTI SAMA ADA PERNAH DIBULI MENGIKUT STRATUM**



**16B. TABURAN KANAK-KANAK YANG PERNAH DIBULI, TIDAK PERNAH DIBULI DAN TIDAK PASTI SAMA ADA PERNAH DIBULI ATAU TIDAK DI SETIAP NEGERI (n=13,945)**



- Negeri dengan peratusan tertinggi bagi kanak-kanak yang pernah dibuli adalah Perak (41%). Peratusan kanak-kanak yang melaporkan bahawa mereka pernah dibuli sekurang-kurangnya sekali juga didapati tinggi di negeri Johor (32%) dan WP Labuan (28%).
- Walau bagaimanapun, terdapat ramai kanak-kanak di negeri-negeri lain yang tidak pasti sama ada mereka pernah dibuli atau tidak.

**16C. KANAK-KANAK YANG PERNAH DIBULI SEKURANG-KURANGNYA SEKALI DI SETIAP NEGERI (n=13,945)**




Diagram ini menunjukkan peratusan kanak-kanak yang pernah dibuli sekurang-kurangnya sekali di setiap negeri. Perak mempunyai peratusan tertinggi (41%), manakala Johor mempunyai peratusan yang paling rendah (32%).

## DIMENSI 2: PEMBULIAN SIBER (17) KEJADIAN MEMBULI DAN JANTINA


### SEKSYEN 2 KEPUTUSAN KAJI SELIDIK

MUKA SURAT / 29

Seramai 8,425 kanak-kanak perempuan dan 5,520 kanak-kanak lelaki yang mengambil bahagian dalam kajian ini.

- Keputusan menunjukkan bahawa lebih ramai kanak-kanak lelaki (30%) berbanding kanak-kanak perempuan yang menyatakan bahawa mereka pernah dibuli sekurang-kurangnya sekali.
- Lebih ramai kanak-kanak perempuan (55%) berbanding kanak-kanak lelaki (47%) yang menyatakan bahawa mereka tidak pernah dibuli.
- Sepertimana yang didapati daripada hasil kajian di bidang yang lain, terdapat sebahagian kanak-kanak yang tidak pasti sama ada mereka pernah dibuli atau tidak.

#### 17. TABURAN RESPONDEN YANG PERNAH DIBULI, TIDAK PERNAH DIBULI DAN TIDAK PASTI SAMA ADA PERNAH DIBULI MENGIKUT JANTINA



● Dibuli sekurang-kurangnya sekali ● Tidak pernah dibuli ● Tidak pasti sama ada telah dibuli



## DIMENSI 3: PEMBULIAN SIBER (18) SUMBER SOKONGAN

Sumber sokongan kanak-kanak bagi isu-isu berkaitan internet adalah dimensi ketiga yang diterokai dalam kajian ini. Responden diminta untuk menyatakan kepada siapa mereka akan mengadu jika berlaku pengalaman ‘buruk’ dalam internet.

- Bagi majoriti kanak-kanak, ahli keluarga, khususnya ibu bapa, dan kawan-kawan merupakan tempat utama mereka mengadu. Sebahagian besar daripada kanak-kanak menyatakan bahawa mereka akan mengadu dengan ibu bapa (61%), adik-beradik (45%) serta ahli keluarga yang lain (31%).
- Sebaliknya, tidak ramai kanak-kanak yang menyatakan bahawa mereka akan mengadu kepada kakitangan sekolah seperti para guru dan kaunselor. Kira-kira 16% pula menyatakan bahawa mereka akan mengadu kepada guru ICT, 15% kepada guru mereka dan hanya 7% kepada kaunselor sekolah. 7% lagi menyatakan bahawa mereka akan mengadu kepada ‘seseorang yang lain’.
- Organisasi kerajaan dan hotline awam adalah sumber sokongan yang paling jarang menjadi pilihan. Tidak ramai responden menyatakan bahawa mereka akan bercakap dengan seseorang daripada organisasi kerajaan (8%) atau menghubungi hotline awam (3%).
- Sebaliknya, 6% daripada kanak-kanak tersebut berkata bahawa mereka sama ada tidak akan memberitahu kepada sesiapa atau tidak melakuakn apa-apa jika sesuatu yang ‘buruk’ berlaku kepada mereka di internet.



**Jika sesuatu yang buruk berlaku kepada saya semasa saya melayari internet, saya akan merujuk kepada/memberitahu...**

1. Ibu bapa
2. Adik-beradik (abang/kakak)
3. Saudara atau ahli keluarga lain
4. Guru
5. Kaunselor sekolah
6. Guru ICT/Komputer
7. Kawan-kawan
8. Orang lain
9. Nombor hotline awam
10. Melaporkan kepada organisasi kerajaan
11. Tidak memberitahu sesiapa, tidak bercakap mengenainya



## DIMENSI 3: PEMBULIAN SIBER (18) SUMBER SOKONGAN

18. SUMBER SOKONGAN SEKITARNA SESUATU YANG 'BURUK' BERLAKU (n=13,945)



## DIMENSI 4: KEBIMBANGAN PERIBADI

### (19) SEBAB KEBIMBANGAN ATAU KEKHUATIRAN MENGENAI PENGUNAAN INTERNET

#### Apakah yang paling membimbangkan atau mengkhawatirkan anda tentang penggunaan internet?


- Tiada identiti, tidak mengetahui siapa yang berada di hujung taliān
- Tidak menyiapkan kerja kerana terlalu banyak menghabiskan masa dengan internet
- Kaki buli di internet
- Menjadi ketagih dengan internet
- Pencerobohan maklumat peribadi saya
- Tidak berhubung atau bergaul dengan orang lain secara bersemuka
- Tidak hidup dalam dunia “sebenar”
- Perkara lain yang tidak disenaraikan di sini
- Tiada kebimbangan atau kekhawatiran sama sekali

Dimensi keempat dalam analisis ini adalah berkaitan dengan kekhawatiran kanak-kanak tentang penggunaan internet. Kanak-kanak diminta untuk menjawab soalan berkaitan kebimbangan atau kekhawatiran dengan memilih satu daripada sembilan pilihan. Kekhawatiran tersebut turut dipadankan dengan bilangan jam yang dihabiskan di internet oleh responden.


- Sebanyak 9,638 (69%) responden menyatakan bahawa mereka mempunyai kekhawatiran tentang penggunaan internet. Yang selebihnya memilih untuk menjawab kekhawatiran mereka tidak disenaraikan atau mereka tidak mempunyai kebimbangan atau kekhawatiran sama sekali.
- Daripada mereka yang memberi respon dengan menandakan satu kekhawatiran, majoriti (25%) daripada mereka khatir tidak dapat menyiapkan kerja mereka jika mereka menghabiskan masa di internet. 24% lagi khatir tentang ketiadaan identiti diri orang yang sedang berinteraksi dengan mereka. Kanak-kanak tersebut turut khatir tentang pencerobohan maklumat peribadi (22%) dan menjadi ketagih dengan internet (20%). Peratusan yang lebih kecil (9%) menyatakan bahawa mereka bimbang akan dibuli semasa di internet. Tidak ramai yang bimbang tentang tidak berinteraksi atau bergaul secara bersemuka atau tidak hidup di dunia sebenar.
- Didapati bahawa jumlah masa yang dihabiskan di internet tidak mempunyai kaitan dengan kebimbangan tertentu oleh kanak-kanak mengenai internet. Bahkan, kebanyakan kebimbangan tersebut ditanda oleh mereka yang menghabiskan masa kurang dari 8 jam seminggu di internet.




19A. KEBIMBANGAN MENGENAI PENGGUNAAN INTERNET  
(n=9,638)



19B. KEBIMBANGAN MENGENAI PENGGUNAAN INTERNET  
(n=9,638)



0-8 jam  
8-22 jam  
23 jam atau lebih



JUMLAH MASA YANG DIHABISKAN  
SECARA ATAS TALIAN TIDAK  
BERHUBUNG KAIT DENGAN  
KEBIMBANGAN KANAK-KANAK  
TENTANG INTERNET. BAHAN,  
KEBANYAKAN KEBIMBANGAN TERSEBUT  
DIBANGKITKAN OLEH MEREKA YANG  
MENGHABISKAN KURANG DARI 8 JAM  
SEMINGGU DI INTERNET



**SEKSYEN 3**  
**ISU-ISU DAN PENGESYORAN**

MUKA SURAT / 34

## ISU-ISU DAN PENGESYORAN

Laporan Kaji Selidik CyberSAFE di Sekolah 2014 merupakan satu usaha penting dalam pengumpulan data mengenai tingkah laku dan pandangan kanak-kanak sekolah berhubung penggunaan internet. Kaji selidik yang diadakan di seluruh negara ini telah mendedahkan beberapa isu berkaitan rangkaian sokongan dan pendidikan keselamatan atas talian yang boleh dipertingkatkan melalui tindakan proaktif. Keputusan ini turut menggesa kerjasama antara para ibu bapa, guru, pentadbir sekolah dan pengubal dasar demi kepentingan kanak-kanak sekolah di Malaysia.

Kaji selidik ini mengetengahkan beberapa kebimbangan mengenai bentuk interaksi atas talian dan penggunaan internet di kalangan kanak-kanak sekolah. Isu keselamatan siber sememangnya penting kerana ia melibatkan sebahagian besar kanak-kanak sekolah rendah. Kami mendapati bahawa ramai daripada mereka tidak mengambil pelbagai tindakan yang perlu untuk melindungi diri mereka di internet, di mana ramai di antara mereka menyatakan bahawa mereka tidak mengambil sebarang langkah atau hanya mengambil sedikit sahaja langkah ke arah keselamatan atas talian.

Penggunaan peranti digital yang kian meluas di negara ini, serta liputan internet yang lebih menyeluruh memberi akses internet kepada lebih ramai kanak-kanak setiap hari. Itulah sebabnya mengapa kurangnya kesedaran terhadap keselamatan dikalangan kanak-kanak memerlukan perhatian segera. Amalan atas talian yang lebih selamat perlu menjadi tabiat.

Selain daripad usia, kaji selidik tersebut turut mendapati bahawa tiada perbezaan ketara antara tahap keselamatan siber yang diamalkan oleh kanak-kanak lelaki dan perempuan. Kanak-kanak daripada semua kumpulan usia melaporkan bahawa mereka pernah dibuli, di mana insiden buli paling banyak berlaku di kalangan mereka yang berusia 13 hingga 15 tahun. Walau bagaimanapun, lebih ramai kanak-kanak lelaki berbanding perempuan yang melaporkan bahawa mereka telah dibuli secara atas talian. Berhubung perbezaan strata bandar-luar bandar, lebih ramai kanak-kanak bandar menyatakan bahawa mereka telah dibuli walaupun hakikatnya mereka lebih banyak mengamalkan langkah keselamatan yang tinggi.

Isu kedua adalah kurangnya pengamalan secara positif dan aktif dalam tingkah laku kanak-kanak atas talian. Walaupun kebanyakan kanak-kanak seakan menyedari tentang perlunya langkah

keselamatan dan percaya tentang perihal pentingnya pembelajaran mengenai keselamatan bahkan menyatakan bahawa mereka mengetahui cara untuk melindungi diri mereka, namun sebenarnya tidak ramai yang mengambil tindakan sewajarnya.

Satu lagi yang harus dibimbangkan adalah bila ramai kanak-kanak menyatakan bahawa mereka tidak pasti tentang amalan atas talian yang selamat. Ramai antara mereka tidak sedar tentang perlunya mengambil pelbagai langkah untuk melindungi diri mereka di internet.

Turut menggusarkan apabila ramai yang menyatakan bahawa mereka berasa selamat di internet, walaupun tahap keselamatan atas talian yang dilaksanakan amat rendah. Fenomena ini membawa kepada isu seterusnya, iaitu kurangnya kesedaran terhadap apa yang terangkum dalam amalan selamat. Ini memerlukan usaha sama bersepadu bagi memastikan amalan atas talian yang bijak.

Ketiga, peranan orang dewasa dalam penggunaan internet serta dalam pendidikan ICT perlu dikaji semula. Kaji selidik menunjukkan bahawa jika komputer di rumah diletakkan di ruang umum, berkemungkinan besar peraturan mengenai penggunaan komputer akan dikenakan. Walau bagaimanapun, kami turut mendapati bahawa, sungguhpun wujud kawalan ibu bapa dalam penggunaan internet, namun ia tidak menyeluruh. Ramai kanak-kanak melaporkan tiadanya peraturan dalam penggunaan internet atau komputer dan ramai antara mereka yang tidak pasti tentang adanya peraturan tersebut.

Apa yang lebih membimbangkan adalah insiden pembulian siber di kalangan semua kumpulan usia. 26% daripada semua kanak-kanak melaporkan bahawa mereka pernah dibuli di atas talian, dengan 20% daripada mereka menyatakan bahawa mereka tidak pasti sama ada mereka pernah dibuli atau pun tidak. Satu lagi perkara menarik tentang penemuan tersebut adalah perbezaan ketara dalam cara di antara kanak-kanak yang pernah dibuli dan tidak pernah dibuli memandang pembulian siber: kanak-kanak yang pernah dibuli di alam siber kurang cenderung untuk mentakrif sesuatu insiden sebagai ‘pembulian’. Kami turut mendapati bahawa ramai kanak-kanak bersetuju dengan kenyataan seperti ‘pembulian siber hanya satu perkataan yang diperbesarkan dan bukan sesuatu yang serius’ dan ‘pembulian siber bukan sesuatu yang serius kerana ia hanya berlaku secara atas talian dan bukan di dunia sebenar’.

Corak tingkah laku kanak-kanak sedemikian menunjukkan perlunya campur tangan orang dewasa untuk memastikan tingkah laku atas talian yang bertanggungjawab dan tabiat pro-sosial dapat dipelihara.

Peranan orang dewasa dalam kehidupan berinternet kanak-kanak menjadi lebih penting apabila orang dewasa dianggap sebagai sumber sokongan sosio-emosi. Kami dapat bahawa apabila kanak-kanak perlu mengadu dengan seseorang tentang pengalaman internet yang negatif, mereka biasanya akan mendapatkan bantuan daripada ahli keluarga. Sistem bantuan kakitangan sekolah dan orang ramai adalah pilihan yang kurang popular dalam mendapatkan bantuan. Hakikatnya, ramai kanak-kanak telah membangkitkan kebimbangan tentang internet, seperti penyembunyian identiti individu yang berinteraksi dengan mereka, pencerobohan maklumat peribadi dan ketagihan internet, justeru, menggambarkan tahap kematangan digital di kalangan kanak-kanak Malaysia.

Keadaan sedemikian memerlukan pembinaan keupayaan bagi ibu bapa serta kakitangan sekolah, supaya mereka dapat memberi nasihat yang sesuai kepada kanak-kanak yang memerlukannya. Mungkin juga golongan kanak-kanak – dan orang dewasa – tidak mengetahui tentang pusat-pusat bantuan atas

tingkah laku atau panggilan yang menyediakan jaringan keselamatan bagi masalah-masalah berkaitan tingkah laku di internet.

Oleh kerana golongan dewasa ini memainkan peranan kritis dalam pembangunan golongan muda, adalah penting untuk mereka memperkasakan kanak-kanak ke arah penggunaan internet yang bertanggungjawab dan membantu mereka membentuk tabiat yang positif dan menggalakkan semangat kewarganegaraan digital yang aktif dalam dunia atas talian.

Laporan Kaji Selidik CyberSAFE di Sekolah 2014 ini telah merintis beberapa peluang untuk kemajuan digital negara ini. Aspek yang paling penting adalah keperluan untuk meningkatkan kesedaran mengenai sikap kewarganegaraan digital yang baik melalui usaha memupuk nilai-nilai internet yang baik, menyediakan penyelesaian bagi pengaruh yang membimbangkan dan negatif, mengukuhkan rangkaian sokongan dan menerapkan sikap kewarganegaraan digital yang baik. Adalah disyorkan agar usaha dilakukan ke arah meninggikan lagi akses orang ramai kepada pendidikan keselamatan internet, mempertingkatkan sistem sokongan awam dan peribadi serta pembinaan keupayaan di kalangan ibu bapa dan kakitangan sekolah.



## PANDUAN UNTUK PENGALAMAN INTERNET YANG SELAMAT

### MEWUJUDKAN PERSEKITARAN PENGGUNAAN KOMPUTER YANG SELAMAT

1. Letakkan atau tetapkan penggunaan komputer di tempat terbuka atau ruang berkumpul keluarga contohnya ruang tamu. Ini akan memudahkan ibu bapa untuk memantau penggunaan internet anak mereka.
2. Pastikan perisian antivirus, pemantauan (parental filters), pop-up blockers dan tetapan privasi dipasang dan dikemaskini.
3. Letakkan penghalang atau penutup pada webcam apabila tidak digunakan kerana ianya boleh digodam dan dihidupkan oleh orang lain dengan niat tertentu yang bertujuan negatif tanpa disedari oleh pengguna komputer tersebut.

### TIPS UNTUK KATA LALUAN YANG KUKUH

KATA LALUAN ANDA SEHARUSNYA  
MEMPUNYAI MINIMA 8 AKSARA,  
MENGUNAKAN KOMBINASI HURUF BESAR  
DAN KECIL, NOMBOR, DAN JUGA SIMBOL.  
ATAS ALASAN KESELAMATAN,  
KATA LALUAN PERLU DITUKAR  
SECARA BERKALA.

Contoh: CyB3r5aFe@D1G1  
Uji kekuatan kata laluan anda di:  
<http://cybersafe.my/pswd-checker/index.html>


### MEMAHAMI BAHWA ANAK ANDA MENGANGGAP DUNIA SIBER SEBAGAI ALAM REALITI

Sebagai ibubapa, kita seharusnya menyedari bahawa anak-anak zaman kini menganggap dunia siber sebagai alam realiti, di mana melalui dunia siber inilah mereka berkomunikasi dengan rakan, mencari maklumat dan bermain permainan siber. Situasi ini menyebabkan apa yang berlaku di alam siber boleh mempengaruhi emosi dan memberi kesan kepada anak anda dimana ianya boleh membuatkan anak anda berasa gembira, sedih, atau kecewa. Walaupun ianya berlaku di alam siber tetapi emosi yang melanda anak anda adalah nyata seperti yang dialami di alam realiti maka ibubapa haruslah berupaya untuk memahami dan menangani situasi ini seperti di alam realiti juga.

### MENJADI IBUBAPA KEPADA ANAK YANG MAHIR DALAM TEKNOLOGI

Mendidik perilaku anak dalam dunia siber adalah sama dengan mendidik mereka di alam realiti di mana mereka perlu bimbingan ibubapa dalam membuat keputusan yang betul dan tepat.

1. **Berbincang Melalui Perbualan**  
Ketahui tabiat internet anak anda melalui perbincangan yang bersahaja. Ibubapa juga perlu dilengkapi pengetahuan mengenai ancaman yang wujud di dalam internet. Perbincangan awal akan dapat membantu anda memahami risiko yang anak anda mungkin hadapi disamping memberi bimbingan awal tentang penggunaan internet yang lebih positif. Langkah ini juga akan dapat mengurangkan konflik di masa hadapan tentang penggunaan internet oleh anak anda.
2. **Menetapkan Perkara Asas**  
Tetapkan perkara atau peraturan asas. Pastikan peraturan sentiasa dikemaskini selaras dengan teknologi baru.
3. **Perbincangan Secara Terbuka**  
Anda harus bersifat terbuka untuk berbincang mengenai isu-isu sulit atau sensitif seperti isu penderaan terhadap kanak-kanak secara online dan juga isu pornografi. Tetapkan pendirian anda apabila berhadapan dengan tingkah laku anak anda, pada masa yang sama masih bersifat terbuka terhadap sebarang pertanyaan oleh anak anda.
4. **Pembelajaran Adalah Proses Dua Hala**  
Sebagai ibubapa, seringkali kita menyedari bahawa berkemungkinan anak kita lebih mengetahui dan mahir dalam teknologi terkini berbanding kita sendiri. Tindakan ibubapa mengajak anak berkongsi pengetahuan tentang teknologi terkini adalah satu tindakan positif di mana ianya boleh membina kepercayaan dan keyakinan terhadap satu sama lain.
5. **Menjadi Penyokong Terkuat Mereka**  
Adalah sangat penting untuk anak anda menyedari sokongan anda apabila diperlukan. Pastikan anda tenang, dengar dengan teliti dan seterusnya bantu mereka menyelesaikan masalah yang diajukan.



## PANDUAN MELAYARI INTERNET YANG IDEAL DAN MESRA PENGGUNA (KELUARGA)

Ajak anak anda berbincang mengenai panduan penggunaan internet mesra keluarga ini

- Jadual masa yang dipersetujui untuk melayari internet.
- Persetujuan mengenai etika ketika melayari internet.
- Jangan sesekali mendedahkan maklumat peribadi di dalam talian (Ketika melayari internet).
- Berfikir dahulu sebelum memaparkan status atau memuat naik gambar dan sebagainya ke dalam laman sesawang.
- Beringat sebelum kena. Sentiasa daftar keluar daripada semua akaun dalam talian anda terutamanya ketika menggunakan komputer awam, contohnya kafe siber dan di rumah kawan. Ini dapat mengelakkan akaun anda disalahgunakan oleh individu lain yang tidak bertanggungjawab.
- Jika anak anda ingin bertemu kenalan alam siber:
  - Mereka seharusnya memberitahu anda
  - Mereka harus berjumpa di tempat awam
  - Mereka harus membawa salah seorang ahli keluarga atau rakan yang dipercayai
- Sentiasa memberi galakan kepada anak anda untuk memberitahu atau berkomunikasi dengan anda apabila terjadi sesuatu yang tidak disenangi atau terlihat perkara yang tidak difahami ketika melayari internet.

Maklumat tambahan boleh didapati di:



Merupakan talian bantuan 24 jam untuk kanak-kanak. Jika anak anda perlu bercakap dengan seseorang, hanya perlu memanggil talian 15999 atau emel ke childline@mctf.org.my



Adalah program kesedaran di bawah CyberSecurity Malaysia dengan tujuan untuk menyebarkan kesedaran penggunaan internet dengan selamat. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.cybersafe.my](http://www.cybersafe.my)



KOMUNIKASI TERBUKA  
DAN KEPERCAYAAN ADALAH  
AMAT BERHARGA. PASTIKAN  
ANAK ANDA TAHU BAHWA  
KESELAMATAN MEREKA  
ADALAH KEUTAMAAN  
ANDA.



**“SEMUA ORANG BOLEH NAMPAK LAH...”**

Lindungi maklumat peribadi anda di internet  
sepertimana dalam kehidupan sebenar.



NAK TAHU CERITA SELANJUTNYA?  
IMBAS DENGAN APLIKASI ‘LAYAR’



## SOAL SELIDIK (PRA-BENGKEL)

LAMPIRAN

MUKA SURAT / 39

1 Sekolah anda berada di dalam negeri mana?

- |                                   |  |   |  |
|-----------------------------------|--|---|--|
| <input type="checkbox"/> Perlis   | <input type="checkbox"/> Kedah             | <input type="checkbox"/> Pulau Pinang   | <input type="checkbox"/> Perak           |
| <input type="checkbox"/> Selangor | <input type="checkbox"/> W.P. Kuala Lumpur | <input type="checkbox"/> W.P. Putrajaya | <input type="checkbox"/> Negeri Sembilan |
| <input type="checkbox"/> Melaka   | <input type="checkbox"/> Johor             | <input type="checkbox"/> Pahang         | <input type="checkbox"/> Terengganu      |
| <input type="checkbox"/> Kelantan | <input type="checkbox"/> Sarawak           | <input type="checkbox"/> Sabah          | <input type="checkbox"/> W.P. Labuan     |

2 Umur anda?

- Bawah 13 tahun     13 -15 tahun     16 - 18 tahun     Lebih 18 tahun

3 Bangsa?

- Melayu     Bumiputera     China     India     Lain-lain

4 Kali pertama saya menggunakan internet, saya bersama...

- Dengan Ibu bapa     Dengan Adik beradik (abang atau kakak) /saudara-mara     Bersama-sama kawan  
 Dengan Guru     Sendirian

5 Berapa jam anda habiskan masa menggunakan internet dalam seminggu?

- Kurang 4 jam seminggu     Dari 4 jam tetapi kurang dari 8 jam seminggu  
 Dari 8 jam tetapi kurang dari 15 jam seminggu     Dari 22 jam tetapi kurang dari 28 jam seminggu  
 28 jam seminggu dan keatas     Sulit untuk mengatakan kerana tidak ada bilangan tertentu didalam seminggu  
 Tidak tahu

6 Antara berikut yang manakah anda gunakan untuk menyambung ke internet? Sila pilih yang berkenaan

- Komputer     Notebook     Tablet atau ipad     Telefon mudah alih/telefon pintar

7 Di mana anda selalu akses internet? Pilih yang berkenaan

- Rumah sendiri     Rumah kawan     Rumah orang lain (e.g. jiran, saudara-mara)  
 Di sekolah (e.g. makmal, perpustakaan)     WiFi atau Hotspot percuma     Pusat internet     Lain-lain kawasan

8 Di mana anda selalu mengakses internet? Pilih satu sahaja.

- Rumah sendiri     Rumah kawan     Rumah orang lain (e.g. jiran, saudara-mara)  
 Di sekolah (e.g. makmal, perpustakaan)     WiFi atau Hotspot percuma     Pusat internet     Lain-lain kawasan

9 Antara aktiviti-aktiviti dalam talian yang mana anda biasa lakukan? Sila pilih semua berkenaan

- |  |   |   |
|--|---|---|
| <input type="checkbox"/> Melayari dan melawati laman web           | <input type="checkbox"/> Penyelidikan untuk kerja sekolah | <input type="checkbox"/> Berkenalan dengan kawan baru |
| <input type="checkbox"/> Mengguna Facebook, Bebo, sbg.             | <input type="checkbox"/> Muat naik gambar atau video      | <input type="checkbox"/> Blog                         |
| <input type="checkbox"/> Menghantar mesej di dalam ruang sembang   | <input type="checkbox"/> Berbual dalam medan perbualan    | <input type="checkbox"/> Megguna perkhidmatan email   |
| <input type="checkbox"/> Muat turun musik, rancangan TV atau movie | <input type="checkbox"/> Bermain permainan online         |   |
| <input type="checkbox"/> Menonton program, movie, You Tube, sbg.   | <input type="checkbox"/> Membeli-belah secara online      |   |
| <input type="checkbox"/> Perbankan secara online                   | <input type="checkbox"/> Lain-lain                        |   |

10 Adakah anda berasa selamat semasa berada di internet?

- Sangat selamat     Selamat     Tidak berapa selamat     Tidak selamat langsung     Tidak tahu

11 Adakah anda berasa amat penting untuk mempelajari tentang keselamatan internet?

- Sangat penting     Penting     Agak penting     Tidak penting     Tidak tahu

12 Adakah anda tahu bagaimana untuk melindungi diri ketika melayari internet?

- Ya, semestinya     Ya     Tidak semestinya     Jarang-jarang or tidak sama sekali     Tidak tahu

LAMPIRAN

MUKA SURAT / 40

13 Apakah tindakan yang anda telah ambil untuk melindungi diri anda di dalam internet?

- Menetapkan tetapan peribadi saya  Imbas semua fail yang saya muat turun  
 Tidak membuka emel dari orang yang tidak dikenali  Tidak menjadikan orang tidak dikenali sebagai kawan  
 Tidak mendedahkan maklumat peribadi saya  Tidak berkongsi terlalu maklumat mengenai diri saya  
 Mengamalkan tatacara/kelakuan internet yang baik (misalnya hormat orang lain, sopan)  
 Log keluar setiap kali menggunakan komputer awam  
 Hanya guna komputer awam untuk tujuan melayari internet, berbanding untuk mengakses akaun atas talian  
 Guna kata laluan yang kukuh  Lain-lain langkah yang tiada dalam senarai ini  
 Tidak berbuat apa-apa

14 Pernahkah anda berkongsi mana-mana kata laluan anda dengan seseorang? Sila pilih yang berkenaan

- Ya, dengan ibu bapa saya  Ya, dengan ahli keluarga yang lain  Ya, dengan rakan rapat  
 Ya, dengan guru saya  Ya, dengan orang lain  Tidak

15 Berapa banyak kata laluan yang berbeza digunakan untuk semua akaun dalam talian anda (contohnya E-mail, Facebook, dan sebagainya)?

- 1 kata laluan, saya guna kata laluan yang sama untuk semua  2-3 kata laluan pada akaun yang selalu digunakan  
 Sesetengah akaun mempunyai kata laluan yang unik/berbeza, and akaun lain mempunyai kata laluan yang sama/kata lalaun  
 Mempunyai kata laluan yang berbeza  Saya tidak ada akaun online

16 Berapa kerap anda menukar kata laluan anda?

- Saya menukar kata laluan setiap bulan  Saya menukar kata laluan setiap tahun  
 Saya menggunakan kata laluan yang sama  Saya hanya tukar bila terluka kata laluan  
 Saya tidak mempunyai akaun yang memerlukan kata laluan

17 Kata laluan yang saya sedang gunakan adalah ... Sila pilih yang berkenaan

- Sekurang-kurangnya 8 karektor  Campuran huruf besar dan kecil  
 Masukkan satu or lebih ansara/nombor (e.g. 345)  Masukkan satu atau lebih simbol (e.g. !@#\$%)  
 Hanya sejenis samada (kesemua huruf sahaja atau kesemua nombor sahaja atau kesemua simbol sahaja)  
 Bergantung kepada akaun online  
 Saya tidak ada akaun online yang memerlukan kata lalaun

18 Adakah anda fikir tetapan privasi pada akaun rangkaian sosial (contohnya facebook) ditetapkan untuk memastikan anda dilindungi daripada orang yang tidak dikenali?

- Ya, saya bersetuju  Ya, untuk tahap yang tertentu  Tidak setuju  Tidak pasti  
 Tidak tahu mengenai tetapan peribadi  Saya tidak mempunyai akaun rangkaian sosial

19 Adakah anda fikir peranti (telefon, tablet dan lain-lain) yang anda gunakan adalah "selamat"?

- Ya, saya bersetuju  Ya, untuk tahap yang tertentu  Tidak setuju  Tidak pasti  
 Tidak tahu maksud "selamat"  Saya tidak menggunakan apa-apa peranti

20 Adakah anda membuatkan ia sebagai satu amalan untuk mematikan Bluetooth atau WiFi apabila tidak digunakan?

- Ya, sentiasa  Ya, kadang-kadang  Tidak semestinya  Tidak pernah  Tidak tahu

21 Jika sesuatu yang buruk berlaku kepada saya semasa melayari internet, saya akan merujuk kepada/memberitahu...  
Sila pilih yang berkenaan

- Ibu bapa  Adik-beradik (abang/kakak)  Saudara atau ahli keluarga lain  Guru  
 Kaunselor sekolah  Guru ICT/Komputer  Kawan-kawan  Orang lain  
 Nombor hotline awam  Melaporkan kepada organisasi kerajaan  
 Tidak memberitahu seseapa, tidak bercakap mengenainya

22 Adakah anda pernah mendengar talian khidmat dipanggil "Childline 15999" atau tidak?

- Ya  Tidak

- 23 Apakah yang paling membimbangkan atau mengkhawatirkan anda tentang penggunaan internet? Pilih satu sahaja
- Tidak identiti, tidak mengetahui siapa yang berada di hujung talian  
 Tidak menyiapkan kerja kerana terlalu banyak menghabiskan masa dengan internet  
 Kaki buli di internet       Menjadi ketagih dengan internet       Pencerobohan maklumat peribadi saya  
 Tidak berhubung atau bergaul dengan orang lain secara bersemuka       Tidak hidup dalam dunia "sebenar"  
 Perkara lain yang tidak disenaraikan di sini       Tiada keimbangan atau kekhawatiran sama sekali
- 24 Adakah rumah anda mempunyai komputer dengan akses internet?
- Ya, mempunyai komputer dengan akses internet       Ya, mempunyai komputer tetapi tidak mempunyai akses internet  
 Tidak mempunyai komputer di rumah
- 25 Adakah komputer di rumah anda disimpan di ruang tamu atau di tempat terbuka?
- Ya       Tidak       Tidak pasti       Tidak berkenaan, boleh dialih ke tempat lain
- 26 Adakah komputer yang anda gunakan di rumah mempunyai perisian "Kawalan ibu bapa", yang menapis / menghalang / menghadkan jenis laman web yang boleh melawa?
- Ya       Tidak       Saya tidak tahu
- 27 Semasa menggunakan internet di rumah anda, adalah anda menetapkan undang-undang/kaedah cara penggunaan internet?
- Ya, banyak peraturan       Ya, tetapi tidak banyak       Tidak, tidak semestinya       Tidak mempunyai peraturan
- 28 Apakah jenis peraturan yang anda tetapkan untuk keluarga anda semasa melayari internet? Sila pilih yang berkenaan
- Terhad kepada jumlah masa tertentu untuk melayari internet  
Hanya dibenarkan untuk menggunakan internet selepas tamat sekolah / belajar  
Hanya dibenarkan untuk menggunakan internet pada suatu masa tertentu atau hari (contohnya selepas makan malam, hanya pada hujung minggu)  
Hanya boleh menggunakan internet untuk kerja-kerja sekolah atau tujuan pendidikan  
Mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa / penjaga sebelum melayari internet  
Hanya boleh mengakses internet di hadapan ibu bapa / penjaga atau hanya apabila mereka berada di sekeliling  
Hanya dibenarkan melayari web terpilih sahaja atau mesti mendapat kebenaran daripada ibu bapa / penjaga  
Tidak berkongsi maklumat dalam talian peribadi (seperti nama, alamat, nombor telefon)  
Jangan berkongsi terlalu banyak maklumat peribadi dalam kehidupan seharian / aktiviti anda di dalam internet  
Berhati-hati dengan apa yang anda katakan atau pos dalam media sosial (seperti facebook)  
Berkelakuan baik dan bersopan apabila menggunakan media sosial / internet       Jangan berbual dengan orang yang tidak dikenali dalam talian  
Jangan mendaftar di laman web, atau berhati-hati apabila ingin berbuat demikian  
Jangan memuat turun perisian atau membuka fail yang anda tidak biasa dengannya  
Simpan kata laluan anda secara sulit  
Beritahu ibu bapa / penjaga anda tentang apa-apa yang mengganggu / membimbangkan anda semasa melayari internet  
Lain-lain, tetapi tidak disenaraikan di atas       Tiada, ada peraturan
- 29 Di rumah anda, adakah sesiapa yang dewasa pernah berbual-bual dengan anak-anak tentang bagaimana menggunakan internet dengan selamat?
- Ya, hanya sekali       Ya, banyak kali       Tidak pernah       Tidak pasti, tidak ingat
- 30 Pernahkah anda pernah mendengar tentang kegiatan siber-buli?
- Ya       Tidak
- 31 Apa pendapat anda tentang pembulian siber, atau Apakah makna perkataan tersebut kepada anda? Sila pilih yang berkenaan
- Apabila seseorang membuli orang lain di internet  
Apabila seseorang mengugut orang lain di internet  
Apabila seseorang menghantar SMS atau gambar dengan niat jahat kepada orang lain  
Apabila seseorang menyamar sebagai orang lain di atas talian, secara sengaja atau secara suka-suka  
Apabila seseorang membaca SMS atau maklumat orang lain (dari peranti orang tersebut), sama ada secara rahsia atau tanpa kebenaran pemiliknya  
Apabila seseorang membuat komen yang tidak baik/berniat jahat atau meletakkan komen yang tidak benar tentang orang lain di atas talian  
Melakukan sesuatu di atas talian sebagai gurauan kepada orang lain tetapi tidak dianggap lucu oleh orang yang ditujukan (penerima)  
Pembulian siber hanyalah satu istilah yang diperbesarkan dan bukan sesuatu yang serius  
Pembulian siber bukan sesuatu yang serius kerana ia hanya berlaku secara atas talian dan bukan di dunia sebenar  
Tiada yang di atas       Saya tidak tahu

LAMPIRAN

MUKA SURAT / 42

32a Berapa kerap anda mengalami situasi ini melalui online (contohnya e-mel, facebook, video, mesej segera) atau melalui panggilan telefon, SMS / MMS?

Sebagai contoh memanggil nama deangan kasar atau mengusik dengan menyakitkan hati

<input type="checkbox"/> Setiap hari/Hampir setiap hari	<input type="checkbox"/> Beberapa kali seminggu	<input type="checkbox"/> Sekali seminggu
<input type="checkbox"/> Dalam 2-3 kali sebulan	<input type="checkbox"/> Sekali sebulan	<input type="checkbox"/> Sekali setiap 2-3 bulan
<input type="checkbox"/> Kurang / Jarang	<input type="checkbox"/> Hanya sekali sebelum ini	<input type="checkbox"/> Jangan sekali-kali

32b Berapa kerap anda mengalami situasi ini melalui online (contohnya e-mel, facebook, video, mesej segera) atau melalui panggilan telefon, SMS / MMS?

Mempunyai mesej berbaur kasar atau jahat yang dihantar kepada anda

<input type="checkbox"/> Setiap hari/Hampir setiap hari	<input type="checkbox"/> Beberapa kali seminggu	<input type="checkbox"/> Sekali seminggu
<input type="checkbox"/> Dalam 2-3 kali sebulan	<input type="checkbox"/> Sekali sebulan	<input type="checkbox"/> Sekali setiap 2-3 bulan
<input type="checkbox"/> Kurang / Jarang	<input type="checkbox"/> Hanya sekali sebelum ini	<input type="checkbox"/> Jangan sekali-kali

32c Berapa kerap anda mengalami situasi ini melalui online (contohnya e-mel, facebook, video, mesej segera) atau melalui panggilan telefon, SMS / MMS?

Foto / video yang di muat naik oleh orang lain dengan niat untuk memalukan anda

<input type="checkbox"/> Setiap hari/Hampir setiap hari	<input type="checkbox"/> Beberapa kali seminggu	<input type="checkbox"/> Sekali seminggu
<input type="checkbox"/> Dalam 2-3 kali sebulan	<input type="checkbox"/> Sekali sebulan	<input type="checkbox"/> Sekali setiap 2-3 bulan
<input type="checkbox"/> Kurang / Jarang	<input type="checkbox"/> Hanya sekali sebelum ini	<input type="checkbox"/> Jangan sekali-kali

32d Berapa kerap anda mengalami situasi ini melalui online (contohnya e-mel, facebook, video, mesej segera) atau melalui panggilan telefon, SMS / MMS?

Sebagai contoh ditinggalkan keseorangan atau diabaikan

<input type="checkbox"/> Setiap hari/Hampir setiap hari	<input type="checkbox"/> Beberapa kali seminggu	<input type="checkbox"/> Sekali seminggu
<input type="checkbox"/> Dalam 2-3 kali sebulan	<input type="checkbox"/> Sekali sebulan	<input type="checkbox"/> Sekali setiap 2-3 bulan
<input type="checkbox"/> Kurang / Jarang	<input type="checkbox"/> Hanya sekali sebelum ini	<input type="checkbox"/> Jangan sekali-kali

32e Berapa kerap anda mengalami situasi ini melalui online (contohnya e-mel, facebook, video, mesej segera) atau melalui panggilan telefon, SMS / MMS?

Berita bohong atau khabar angin yang tersebar tentang anda

<input type="checkbox"/> Setiap hari/Hampir setiap hari	<input type="checkbox"/> Beberapa kali seminggu	<input type="checkbox"/> Sekali seminggu
<input type="checkbox"/> Dalam 2-3 kali sebulan	<input type="checkbox"/> Sekali sebulan	<input type="checkbox"/> Sekali setiap 2-3 bulan
<input type="checkbox"/> Kurang / Jarang	<input type="checkbox"/> Hanya sekali sebelum ini	<input type="checkbox"/> Jangan sekali-kali

32f Berapa kerap anda mengalami situasi ini melalui online (contohnya e-mel, facebook, video, mesej segera) atau melalui panggilan telefon, SMS / MMS?

Maklumat peribadi anda dipaparkan tanpa kebenaran anda

<input type="checkbox"/> Setiap hari/Hampir setiap hari	<input type="checkbox"/> Beberapa kali seminggu	<input type="checkbox"/> Sekali seminggu
<input type="checkbox"/> Dalam 2-3 kali sebulan	<input type="checkbox"/> Sekali sebulan	<input type="checkbox"/> Sekali setiap 2-3 bulan
<input type="checkbox"/> Kurang / Jarang	<input type="checkbox"/> Hanya sekali sebelum ini	<input type="checkbox"/> Jangan sekali-kali

32g Berapa kerap anda mengalami situasi ini melalui online (contohnya e-mel, facebook, video, mesej segera) atau melalui panggilan telefon, SMS / MMS?

Diancam atau dipaksa melakukan perkara-perkara yang tidak elok

<input type="checkbox"/> Setiap hari/Hampir setiap hari	<input type="checkbox"/> Beberapa kali seminggu	<input type="checkbox"/> Sekali seminggu
<input type="checkbox"/> Dalam 2-3 kali sebulan	<input type="checkbox"/> Sekali sebulan	<input type="checkbox"/> Sekali setiap 2-3 bulan
<input type="checkbox"/> Kurang / Jarang	<input type="checkbox"/> Hanya sekali sebelum ini	<input type="checkbox"/> Jangan sekali-kali

32h Berapa kerap anda mengalami situasi ini melalui online (contohnya e-mel, facebook, video, mesej segera) atau melalui panggilan telefon, SMS / MMS?

Seseorang telah menggodam (atau memasuki tanpa kebenaran) ke dalam akaun dalam talian anda

<input type="checkbox"/> Setiap hari/Hampir setiap hari	<input type="checkbox"/> Beberapa kali seminggu	<input type="checkbox"/> Sekali seminggu
<input type="checkbox"/> Dalam 2-3 kali sebulan	<input type="checkbox"/> Sekali sebulan	<input type="checkbox"/> Sekali setiap 2-3 bulan
<input type="checkbox"/> Kurang / Jarang	<input type="checkbox"/> Hanya sekali sebelum ini	<input type="checkbox"/> Jangan sekali-kali

## SOAL SELIDIK (PASCA-BENGKEL)

LAMPIRAN

MUKA SURAT / 43

- 1 Sekolah anda berada di dalam negeri mana?
- |                                   |  |   |  |
|-----------------------------------|--|---|--|
| <input type="checkbox"/> Perlis   | <input type="checkbox"/> Kedah             | <input type="checkbox"/> Pulau Pinang   | <input type="checkbox"/> Perak           |
| <input type="checkbox"/> Selangor | <input type="checkbox"/> W.P. Kuala Lumpur | <input type="checkbox"/> W.P. Putrajaya | <input type="checkbox"/> Negeri Sembilan |
| <input type="checkbox"/> Melaka   | <input type="checkbox"/> Johor             | <input type="checkbox"/> Pahang         | <input type="checkbox"/> Terengganu      |
| <input type="checkbox"/> Kelantan | <input type="checkbox"/> Sarawak           | <input type="checkbox"/> Sabah          | <input type="checkbox"/> W.P. Labuan     |
- 2 Umur anda?
- |   |                                       |  |  |
|---|---------------------------------------|--|--|
| <input type="checkbox"/> Bawah 13 tahun | <input type="checkbox"/> 13 -15 tahun | <input type="checkbox"/> 16 - 18 tahun | <input type="checkbox"/> Atas 18 tahun |
|---|---------------------------------------|--|--|
- 3 Bangsa?
- |                                 |                                     |                                |                                |                                    |
|---------------------------------|-------------------------------------|--------------------------------|--------------------------------|------------------------------------|
| <input type="checkbox"/> Melayu | <input type="checkbox"/> Bumiputera | <input type="checkbox"/> China | <input type="checkbox"/> India | <input type="checkbox"/> Lain-lain |
|---------------------------------|-------------------------------------|--------------------------------|--------------------------------|------------------------------------|
- 4 Selepas ceramah ini, adakah anda berasa selamat apabila berada di internet?
- |                                  |                                       |   |  |                                     |
|----------------------------------|---------------------------------------|---|--|-------------------------------------|
| <input type="checkbox"/> Selamat | <input type="checkbox"/> Agak selamat | <input type="checkbox"/> Tidak berapa selamat | <input type="checkbox"/> Tidak selamat | <input type="checkbox"/> Tidak tahu |
|----------------------------------|---------------------------------------|---|--|-------------------------------------|
- 5 Membandingkan apa yang anda tahu kini berbanding sebelum ceramah ini, anda akan mengatakan bahawa keupayaan anda untuk melindungi diri anda semasa menggunakan internet adalah..?
- |  |   |                                       |
|--|---|---------------------------------------|
| <input type="checkbox"/> Jauh lebih baik, mempelajari banyak perkara                             | <input type="checkbox"/> Lebih baik, belajar beberapa perkara | <input type="checkbox"/> Tiada ulasan |
| <input type="checkbox"/> Lebih kurang sama, seperti yang saya tahu                               |   |                                       |
| <input type="checkbox"/> Kekal tidak berubah seperti yang saya tahu sudah tahu semua mengenainya |   |                                       |
- 6 Apakah langkah-langkah anda yang seterusnya untuk melindungi diri anda di internet? Sila pilih semua yang berkenaan
- |  |
|--|
| <input type="checkbox"/> Menetapkan tetapan privasi saya   |
| <input type="checkbox"/> Imbas semua fail-fail yang dimuat turun   |
| <input type="checkbox"/> Jangan membuka e-mel dari orang yang tidak dikenali   |
| <input type="checkbox"/> Tidak menambah orang yang tidak dikenali sebagai rakan-rakan  |
| <input type="checkbox"/> Tidak mendedahkan maklumat peribadi saya  |
| <input type="checkbox"/> Perkara-perkara lain yang tiada dalam senarai ini   |
| <input type="checkbox"/> Tidak berkongsi terlalu banyak maklumat tentang diri saya   |
| <input type="checkbox"/> Amalan etika internet baik / akhlak (contoh menghormati orang lain, bersopan)   |
| <input type="checkbox"/> Log keluar daripada akaun saya setiap kali selepas digunakan  |
| <input type="checkbox"/> Hanya menghadkan diri saya dengan melayari laman web yang umum (tidak mengakses mana-mana akaun rangkaian sosial atau akaun e-mel) apabila saya menggunakan internet di tempat awam |
| <input type="checkbox"/> Log keluar setiap kali apabila menggunakan komputer awam  |
| <input type="checkbox"/> Hanya gunakan komputer awam untuk melayari laman yang umum, bukannya mengakses akaun dalam talian kepunyaan anda  |
| <input type="checkbox"/> Lain-lain yang tidak tersenarai   |
| <input type="checkbox"/> Tiada apa-apa sebenarnya  |
- 7 Selepas hari ini, apakah tindakan terbaik yang anda harus lakukan dalam menetapkan kata laluan untuk semua akaun dalam talian anda (contohnya emel, Facebook, dan sebagainya)?
- |  |
|--|
| <input type="checkbox"/> Teruskan dengan kata laluan yang kukuh semasa saya - tidak membuat sebarang perubahan |
| <input type="checkbox"/> Mungkin akan mempertimbangkan untuk mengubah beberapa kata laluan yang kukuh          |
| <input type="checkbox"/> Pastikan bahawa saya mempunyai kata laluan yang berbeza untuk semua akaun             |
| <input type="checkbox"/> Saya tidak mempunyai apa-apa akaun dalam talian                                       |
- 8 Selepas perbincangan hari ini, adakah tetapan privasi semasa pada akaun rangkaian sosial anda (seperti facebook) ditetapkan untuk memastikan anda dilindungi daripada orang yang tidak dikenali?
- |   |                                      |                                |                                      |
|---|--------------------------------------|--------------------------------|--------------------------------------|
| <input type="checkbox"/> Ya, benar          | <input type="checkbox"/> Ya, sedikit | <input type="checkbox"/> Tidak | <input type="checkbox"/> Tidak pasti |
| Saya tidak mempunyai akaun rangkaian sosial |                                      |                                |                                      |
- 9 Selepas perbincangan hari ini, anda akan mengatakan peranti (telefon, tablet, dan lain-lain) yang anda gunakan adalah "selamat"?
- |  |                                      |                                |                                      |
|--|--------------------------------------|--------------------------------|--------------------------------------|
| <input type="checkbox"/> Ya, benar       | <input type="checkbox"/> Ya, sedikit | <input type="checkbox"/> Tidak | <input type="checkbox"/> Tidak pasti |
| Saya tidak menggunakan mana-mana peranti |                                      |                                |                                      |

LAMPIRAN

MUKA SURAT / 44

10 Pada masa depan, apa yang akan anda lakukan apabila Bluetooth atau WiFi tidak digunakan?

- Memastikan ia menjadi satu tabiat untuk mematikan apabila tidak digunakan  
 Akan cuba menjadikan ia satu tabiat untuk mematikan apabila tidak digunakan  
 Akan mematikan dari masa ke semasa  
 Kemungkinan menjadikan ia satu tabiat untuk mematikan apabila tidak digunakan

11 Antara tindakan-tindakan yang tersenarai, yang mana boleh dianggap sebagai "cyberbullying"? Sila pilih yang berkenaan

- Apabila seseorang membuli orang lain di dalam internet  
 Apabila seseorang mengancam orang lain di dalam internet  
 Apabila seseorang menghantar SMS atau gambar yang tidak senonoh kepada orang lain  
 Apabila seseorang berpura-pura menjadi orang lain, dalam talian dengan sengaja atau untuk suka-suka  
 Apabila seseorang melihat SMS atau maklumat (peranti orang lain), secara rahsia atau tanpa kebenaran orang itu  
 Apabila seseorang menggodam akaun dalam talian orang lain (seperti fb, e-mel, dan lain-lain)  
 Apabila seseorang pos sesuatu kenyataan dengan bermaksud atau berniat jahat atau tidak benar tentang orang lain dalam talian  
 Melakukan sesuatu dalam talian sebagai satu jenaka kepada orang lain tetapi tidak dianggap lucu kepada penerima  
"cyberbullying" hanya satu perkataan besar tetapi bukan masalah besar kerana ia hanya berlaku dalam talian dan tidak di dunia sebenar  
 Tiada di atas       Saya tidak tahu

12 Pernahkah anda dibuli di dalam internet sebelum ini, sama ada melalui SMS, MMS, media sosial seperti facebook, dan sebagainya?

- Sekali     Beberapa kali     Banyak kali     Tidak pernah     Tidak pasti     Saya tidak tahu

13 Apakah kaedah yang telah digunakan untuk membuli anda?

- SMS       Facebook, blg dan lain-lain       Video, YouTube       Panggilan telefon  
 Emel       Mesej segera       Akaun online digodam (seperti Facebook, emel dan lain-lain)  
 Lain-lain       Tidak pernah dibuli

14 Adakah anda telah dibuli?

- Ya       Tidak       Tidak pasti

15 Berapa banyak orang yang anda tahu, atau pernah mendengar, dibuli dalam talian?

- 1 orang       2-3 orang       4-5 orang       6-10 orang  
 Lebih daripada 10 orang       Tidak pernah mendengar ia berlaku kepada orang yang saya kenali       Saya tidak tahu

16 Berapa kerap anda terfikir "cyberbullying" ini berlaku dikalangan pelajar-pelajar di sekolah anda?

- Ia berlaku sepanjang masa       Ia kadang-kadang berlaku  
 Ia jarang berlaku       Ia tidak pernah berlaku  
 Saya tidak tahu sama ada ia pernah berlaku atau tidak

17 Adakah anda mempunyai sebarang komen atau cadangan yang anda ingin berkongsi dengan kami tentang program atau topik ini?

## PENGHARGAAN

Linda Lim (Penyelidikan Pasaran, Nuance Consulting) pereka bentuk soalan kaji selidik.

Stephen Yong, Frankie Len, Wan Zahir (Intrasoft Technology Sdn Bhd) pereka bentuk portal web untuk kaji selidik atas talian untuk penilaian dan pengumpulan data.

Abhishek Verma dan Phyllis Low (Taylor Nelson Sofres Malaysia Sdn Bhd) untuk pemprosesan data dan penjadualan.

Kuldip Kaur, Phd. dan Karuthan Chinna, Phd. untuk analisis data kajian dan maklumbalas kepada pembentangan dapatan kaji selidik ini.

Ramona Susanty dan Aaron Mokhtar (CyberSecurity Malaysia, sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi) kerana menjadi sebahagian daripada rakan perkongsian pintar program CyberSAFE di Sekolah.

Pengarah, Timbalan Pengarah (Bestari), Ketua Sektor dan Sektor Pembestarian Sekolah, Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kerana menjadi sebahagian daripada rakan perkongsian pintar program CyberSAFE di Sekolah.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) kerana menjadi sebahagian daripada rakan pintar program CyberSAFE di Sekolah.

Philip Ling dan Sandy Low (DiGi Telecommunications Sdn Bhd) kerana menjadi sebahagian daripada rakan perkongsian pintar program CyberSAFE di Sekolah dan memastikan kejayaan Kaji Selidik Kebangsaan CyberSAFE di Sekolah.

# “Jangan buli saya”



500 juta kanak-kanak akan memulakan penerokaan atas talian di seluruh Asia pada dekad ini. Bantulah mereka untuk kekal selamat. Kongsi untuk menampilkan sokongan anda.

#safetelenor

telenor  
group

## TANGGUNGJAWAB KORPORAT

### **DiGi Telecommunications Sdn Bhd**

Lot 10, Jalan Delima 1/1  
Subang Hi-Tech Industrial Park  
40000 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
t: 03 - 5721 1800  
f: 03 - 5721 1857  
e: cr@digi.com.my  
w: [www.safeinternet.my](http://www.safeinternet.my)

sebahagian daripada



Dicetak menggunakan kertas mesra alam.  
Sebuah Inisiatif di bawah program DiGi Deep Green.